



NEWS ARCHIVE

2022

ISI KANDUNGAN :

Siri	Tajuk	Muka surat
1.	"Town Hall" Bersama Limbungan Tempatan Secara Webinar	5-6
2.	1st MALAYSIA MARINE INDUSTRY CONFERENCE (MMIC) 2022	7
3.	49 Tahun Kd Ganas Menabur Bakti	8-9
4.	A Maker - Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung	10
5.	Asal Usul Istilah The Navy People	11
6.	Audit Dalaman Bahagian Protela, Markas Tentera Laut	12
7.	Audit Kesiapsiagaan Mpks	13-14
8.	Bengkel Teknikal Penamaan Fitur Dasar Laut Di Bawah Sub-Committee On Undersea Feature Names (Scufn) Bersama Pejabat Hidrografi Vietnam Di Hai Phong, Vietnam	15-16
9.	Dari Dusun Ke Iban, Menyusuri Keindahan Bumi Borneo Malaysia	17-18
10.	Inisiatif Mengiktiraf Warga Navy People	19-20
11.	Istiadat Mengarak Panji-Panji Kdymm Ydp Agong	21-22
12.	Jasa Bakti Veteran - Kepten Jeffry Bin Faisal Tldm (Bersara)	23
13.	Just Another Busy Day For Our Brave Men From The Armed Forces	24
14.	Kakadu 2022 - Refuelling At Sea	25
15.	Kakadu 2022 Pelayaran Kd Lekiu Ke Negara 'Down Under'	26-28
16.	Kapal Tldm Sambut Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-65 Di Surabaya, Indonesia	29-30
17.	Kd Jebat Laksana Latihan Bersama Kapal Tentera Laut Diraja Kanada	31-32
18.	Kd Lekiu Dan Kd Sri Indera Sakti Belayar Merentasi Garisan Khatulistiwa Sempena Eks Malindo Jaya 26ab-22	33
19.	Kearah Kelestarian Ekosistem	34-35
20.	Kejayaan Refit Cb 202 Berkonsepkan Zero To Hero	36
21.	Kunjungan Hormat Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Dan Penyelarasan Maritim Apmm Ke Atas Inspektor Jeneral Tldm	37-38
22.	Kursus Pengendalian Kes Mahkamah Tentera Dan Sidang Kuasa Terus (LLP)	39
23.	Kursus Pengguna Hrmis Dan Pengurusan Data Bpr Siri 2-22	40
24.	Kursus Perubatan Tempur Paskal Siri 1-22	41-42
25.	Kursus Perundangan Dan Penguatkuasaan Protela	43
26.	Larian Teguh Bersama - 5km Smart Run Markas Tentera Laut	44
27.	Latihan Kuasa Tembakan (LKT) Tahun 2022	45-46
28.	Latihan Tempatan Pstl Kuching Di Kapal Diraja Mahawangsa 1504	47
29.	Lawatan Hmcs Winnipeg Ke Malaysia Kukuhkan Kerjasama TLDK-TLDM	48-49
30.	Lawatan Panglima Tentera Laut Republik Singapura Perkukuh Hubungan TLDM-TLRS	50
31.	Majlis Angkat Sumpah Pegawai & Perajurit Muda Psstldm Serta Plas Tldm Siri 1-22	51-52

32.	Majlis Bacaan Yassin Dan Tahlil Sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Kapal Selam (AKAS) Ke-13	53
33.	Majlis Graduasi Kumpulan Msu College Ke-24	54
34.	Majlis Penutup Patkor Malindo 156-22 Di Mawilla 3	55
35.	Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Kanan Skuadron Korvet Ke-24 Dan Pegawai Memerintah Kapal Skuadron Korvet Ke-24	56-57
36.	Markas Pemerintahan Armada Barat Ungguli Pentas Tilawah Al Quran Peringkat Tldm 2022	58-59
37.	Membelah Ombak, Mengejar Impian	60-61
38.	Multinational Group Sail Ships Working Together In The Pacific Ocean	62-63
39.	Navy People Meriahkan Perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-65	64-65
40.	Panglima Tentera Laut Rai Bakal Jemaah Haji Tldm	66-67
41.	Pegawai Wanita Pertama Tentera Laut Diraja Malaysia Dinaikkan Pangkat Laksamana Muda	68-69
42.	Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan Tldm Dan Pegawai Psstldm	70-71
43.	Pemakaian Pangkat Pegawai Tldm Dan Psstldm Dan Pemakaian Pangkat Lencana Kepakaran	72
44.	Pemeriksaan Ilmu Pendidikan Dan Latihan Berterusan Melalui Jalinan Kerjasama Strategik Tldm Dan Umt	73-74
45.	Pemilikan Bersilang Dan Risiko Kegagalan Bersilang Di Dalam Pelaburan	75-76
46.	Perang Pangkor Siri 1-22 Pembuka Tirai Latihan Kesiagaan Armada Barat	77
47.	Perasmian Stesen Udara Kota Kinabalu Dan Skuadron 503 Helikopter AW139	78-79
48.	Perbarisan Dan Taklimat Penutup Audit Kesiapsiagaan Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan	80-81
49.	Perbarisan Pegawai Kanan Skuadron Korvet Ke-24	82
50.	Perbarisan Pegawai Memerintah Kd Sri Klang Siri 1-22	83
51.	Perbarisan Ulung Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching & Penyampaian Sijil Penghargaan Warga Navy People Kuching	84-85
52.	Perkukuh Hubungan 2 Negara	86
53.	Pkk Janusha Cipta Sejarah Di Usna	87
54.	Rawatan Ehsan - Pelancong Kanada Kembali Sihat	88
55.	Refit Kd Yu Cipta Sejarah, Disusuli Refit Kd Pari - Tempoh Paling Singkat	89-90
56.	Rimpac'22 7000 Nautical Miles Away From Home And Bullseye!	91
57.	Santapan Kala Tempur	92
58.	Sekalung Tahniah - Kejayaan Warga Navy People Mendapat Pengiktirafan Inovasi Rekabentuk Dan Paten	93
59.	Seminar Inovasi Perkhidmatan Awam (Sipa) 2022	94
60.	Suatu Hari Di Hari Raya Bagi Warga Atm	95
61.	The Pick Of The Litter - Leftenan Madya Puteri Syazwani Binti Megat Ahmadshariman Tldm	96-97

62.	Tldm Bekerjasama Erat Dengan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak	98-99
63.	Tldm Teruskan Hubungan Bersama Mimos	100-101
64.	Warga Kd Sri Semporna Meriahkan Program Quran Hour	102
65.	Warga Navy People Pertama Terbitkan Memoir – Komander James Wong Ah Soh Tldm (Bersara)	103-104

“TOWN HALL” BERSAMA LIMBUNGAN TEMPATAN SECARA WEBINAR

The image shows a screenshot of a webinar interface. On the left, a slide titled "SMART Refit" lists five key points:

1. Schedule Maintenance And Repair in Time
2. Seagong for Mission And Routine maintenance in the Timeframe
3. Shipyard & Marine Industry Ready to Transform
4. Sound Methodology Advocate high Readiness Target
5. Structured Methodology And Rigorous Time-trial
6. Structured, Mesmerised, Articulated, Result Oriented, Time-bound
7. Strategic moves to Meet high Ao and Readiness Target

On the right, a slide titled "'Town Hall' on 'SMART' REFIT with local Shipyards" features a portrait of a naval officer in uniform. Below the portrait, a note explains the acronym: S - Specific, M - Measureable, A - Achievable, R - Realistic, T - Time Bound.

KUALA LUMPUR, 15 Sep – Sesi Town Hall di antara pihak TLDM dengan limbungan tempatan telah dilaksanakan hari ini secara atas talian (webinar), dimana lebih daripada 150 peserta telah menyertainya. Town Hall dikendalikan oleh Ketua Jurutera TLDM, bertujuan menjelas dan bertukar pandangan terhadap pelaksanaan terkini rutin selenggaraan berjadual kapal TLDM yang menggunakan kaedah S.M.A.R.T Refit. Tujuan S.M.A.R.T Refit adalah memendekkan tempoh refit kapal TLDM di limbungan tempatan secara drastik. Kaedah ini hampir 180 darjah berbeza berbanding refit secara konvensional yang telah diamalkan lebih kurang 30 tahun.

Town Hall telah memberi peluang kepada pihak limbungan untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan S.M.A.R.T Refit, selain diberi peluang mengkisahkan cabaran serta kekangan yang dihadapi bagi melaksanakannya. Selain penjelasan terhadap metodologi S.M.A.R.T Refit, sesi turut merangkumi elemen pengurusan projek dalam perspektif Project Management Body of Knowledge (PMBOK). Ini bagi mengelakkan S.M.A.R.T Refit yang sedang dilaksanakan bertukar kepada pendekatan “atas kertas”.

Di akhir sesi Town Hall, pihak limbungan tempatan turut dimaklumkan iaitu TLDM akan melaksanakan kaedah S.M.A.R.T Refit Plus pada pertengahan tahun hadapan bagi memastikan program ini lebih dinamik, berdaya saing dan lebih singkat pada kos yang kompetitif.

Memandangkan Town Hall ini mendapat sambutan di luar jangkaan, sesi susulan akan dilaksanakan. Ini kerana ramai industry players tidak dapat menyertai webinar kali ini disebabkan kapasiti medium yang terhad.

Hasil Town Hall secara webinar ini diharap memberi inspirasi serta motivasi kepada warga Navy People agar terus menghasilkan inisiatif lain yang lebih berimpak tinggi

demi kepentingan TLDM. Bagi pihak limbungan pula disaran agar mereka dapat melaksanakan S.M.A.R.T Refit dengan menghasilkan success story.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : PW 1 TLS Hazemi bin Mamat

1st MALAYSIA MARINE INDUSTRY CONFERENCE (MMIC) 2022

KUALA LUMPUR, 22 Jun - Timbalan Panglima Tentera Laut hari ini menyempurnakan majlis perasmian 1st Malaysia Marine Industry Conference (MMIC) 2022 anjuran Institute of Engineers Malaysia (IEM) di UTM Residensi, Jalan Semarak. Konferen ini melakar sejarah sebagai persidangan pertama yang melibatkan industri marin tempatan di Malaysia dan buat julung kali turut melibatkan para akademik dari 4 Universiti iaitu UTM, UPM, UM dan UMT. Selain itu, konferen juga melibatkan beberapa agensi kerajaan diantaranya MITI, MOSTI, Jabatan Laut, Kementerian Pengangkutan dan TLDM.

Sungguhpun konferen ini berskala kecil melibatkan lebih kurang 150 peserta, namun hampir kesemua pemain di industri telah hadir. Justeru, konferen ini adalah kick-start untuk semua stakeholders membincangkan cabaran, peluang dan pelan tindak yang perlu dirangka untuk memastikan salah satu industri berat di negara ini berdaya saing dan boleh berkembang, termasuk keupayaan menembusi pasaran serantau.

Tema konferen kali ini di bawah Organising Chairman Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung ialah "Bridging the Government, Industry and Academia Towards Developing Indigenous Marine Technology". Sepanjang MMIC, TLDM telah menyampaikan 2 Kertas Kerja, di mana diketuai oleh Ketua Jurutera TLDM serta Kepten Ir. Khairul Nizam bin Mansor TLDM.

Bagi memastikan industri marin tempatan kekal mampan dan berdaya saing, TLDM meyokong segala dasar dan inisiatif ke arah self-reliance. Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang menjayakan MMIC yang melibatkan hampir semua stakeholders.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office
Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung
Foto : The Institution of Engineers, Malaysia

49 TAHUN KD GANAS MENABUR BAKTI



KD GANAS

KOTA KINABALU, 28 Feb - Kapal Diraja (KD) GANAS telah melaksanakan Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ke-49 di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu pada hari ini. Sambutan yang diadakan ini telah berlangsung dalam kesederhanaan, meriah namun mematuhi garis panduan SOP Covid-19.

Menyingkap sejarah pembinaan dan pentauliahkan KD GANAS, kapal ini dibina di Cherbourg, Perancis dan telah ditauliahkan kedalam perkhidmatan TLDM pada 28 Feb 1973. Kemasukan KD GANAS ke dalam inventori telah menjadikan TLDM antara agensi yang digeruni di Asia Tenggara.

Menyusuri sejarah, kapal ini telah melalui pelbagai fasa transformasi sehingga ke hari ini. Sesuai konsep operasi Hit and Run, KD GANAS yang pada awalnya merupakan sebuah kapal Pembina Laju (Misil) kelas PERDANA kini telah diserapkan sebagai salah sebuah kapal di dalam Skuadron Kapal Ronda Laju Ke-6 bersama 7 lagi kapal yang lain iaitu KD TODAK, KD SERANG, KD JERONG, KD PAUS, KD PARI, KD BAUNG dan KD YU. KD GANAS dan KD SERANG kini berpangkalan di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu manakala kapal lain skuadron ini berpangkalan di Pangkalan TLDM Sandakan.

Walaupun KD GANAS menghampiri usia emas namun kapal diperakui masih mampu membelah samudera dengan kelajuan melebihi 32 knot pada tempoh masa yang lama hasil kejayaan Projek Repowering yang dilaksanakan pada 2019.

Antara program yang dianjurkan semasa Sambutan HUT ke-49 pada kali ini adalah Majlis Bacaan Yassin & Tahlil, Perutusan Pegawai Memerintah, Pertandingan Combat Masterchef serta Upacara Memotong Pulut Kuning. Selain itu, pulut kuning juga turut diedarkan kepada semua mantan kru KD GANAS yang masih berkhidmat di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu sebagai simbolik menghargai pengorbanan dan jasa warga kapal terdahulu.

Secara keseluruhannya, program HUT ke-49 KD GANAS berjalan dengan lancar dan jayanya. Pegawai Memerintah KD GANAS, Kdr Muhammad Hafiz bin Haji Othman TLDM dalam ucapannya menyatakan kematangan dan kesiagaan KD GANAS sepanjang tempoh 49 tahun ditugaskan sebagai aset barisan hadapan TLDM bukanlah sesuatu yang mudah dicapai.

Sesungguhnya ia menuntut pengorbanan, kecekalan serta sikap profesionalisme warga kapal dalam memastikan kesiagaan kapal kekal terpelihara pada tahap yang tertinggi. Bagi mendepani cabaran semasa dan akan datang, beliau menyeru semua peringkat warga agar terus memberikan komitmen serta mempamerkan sikap yang positif bagi memastikan kesiagaan kapal dan warga sentiasa berada pada tahap tertinggi.

Sumber : Unit Perhubungan Raya KD GANAS

Artikel : PKK Mohammad Hany Al-Waseem bin Al-Dita

Foto : LK II PAP Muhammad Amirul Amin bin Mohd Zairi

A MAKER - LAKSAMANA MUDA DATUK Ir. Ts. MOHD SHAFUL ADLI CHUNG



Ketua Jurutera TLDM, Laksamana Muda Datuk Ir. Ts Mohd Shaiful Adli Chung melakar sejarah sebagai warga Navy People yang pertama memiliki design and pattern rights berdaftar di Malaysia mengikut Akta Hak Cipta 1987. Kelulusan pendaftaran tersebut diperoleh pada 29 Jun 2020 daripada Pengawal Hak Cipta Malaysia. Lebih membanggakan, beliau memegang 2 design and pattern rights di mana satu daripadanya telah diimplemensi atau “dikomersialkan”.

Hasil usaha dan pencapaian beliau wajar dijadikan inspirasi dan motivasi kepada warga Navy People untuk berusaha memperoleh kecemerlangan dalam apa jua bidang yang diceburi. Ini bagi memastikan TLDM terus cemerlang, gemilang dan terbilang.

Maklumat tambahan berkaitan Ketua Jurutera TLDM boleh dicapai di pautan berikut: <https://www.facebook.com/355294844528530/posts/pfbid0AgE7znhgTkP7CZAUWrZ3skDfoMndLSuf33S95iCMwLd6oiqMxeJW4AwMZ6KMdUW/cl/>

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artikel : Kepten Ts. Abdul Razak bin Ahmad TLDM

Foto : Mk TL – Sumber Manusia dan Lt Dya Muhammad Fadzil bin Mashor TLDM

ASAL USUL ISTILAH THE NAVY PEOPLE

Ramai bertanya dari mana datangnya istilah The Navy People, dan sejak bila ianya digunakan. Persoalan kerap timbul kerana istilah ini selalu digunakan di perutusan rasmi Pengurusan Tertinggi TLDM dan juga penerbitan di mass-media TLDM.

Sebagai maklumat, istilah The Navy People adalah usul daripada Panglima Tentera Laut Ke-16, Laksamana Tan Sri Dato' Seri Panglima (Dr.) Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin. Usul ini timbul susulan pemerhatian mendapati Tentera Laut Diraja Australia menamakan warganya sebagai Our People. Justeru istilah The Navy People telah mula diperkenalkan di dalam TLDM bermula pada tahun 2017. Sebenarnya ungkapan The Navy People adalah meluas, bukan sahaja merangkumi warga TLDM yang masih berkhidmat serta keluarga mereka, malah turut melibatkan para Veteran TLDM.

Diharap penjelasan ringkas ini dapat merungkai persoalan yang kerap ditanya oleh warga TLDM dan juga awam berkaitan istilah The Navy People. Semoga ianya memberi impak dan maksud yang positif untuk kecemerlangan organisasi.

Sumber: Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artikel : Laksda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : RMN Sea Power Centre

AUDIT DALAMAN BAHAGIAN PROTELA, MARKAS TENTERA LAUT

KUALA LUMPUR, 25 Ogos - Bahagian Inspektorat Jeneral Markas Tentera Laut telah melaksanakan Audit Dalaman (AD) ke atas Bahagian PROTELA, Markas Tentera Laut mulai 22 hingga 25 Ogos 22 dan telah melabuhkan tirainya hari ini.

Taklimat Penutup AD Bahagian PROTELA Markas Tentera Laut telah disempurnakan oleh Timbalan Inspektor Jeneral, Yang Berbahagia Laksamana Pertama Mohd Fadzli Kamal bin Mohd Mohaldin. Turut hadir semasa taklimat penutup adalah Marsyal PROVOS, Kept Roslee bin Mohamad Isa TLDM serta warga Bahagian PROTELA Markas Tentera Laut.

Sekalung tahniah diucapkan kepada warga Bahagian PROTELA Markas Tentera Laut atas kejayaan memperolehi penarafan 4 Bintang (81.5%) bagi AD kali ini. Semoga kejayaan ini memberi suntikan semangat dalam mengekalkan prestasi dan mutu kerja yang berkualiti serta terus komited melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Back to basic, moulding a concrete foundation

Artikel : Lt Kdr Mohd Roslan bin Mohd Saufi TLDM

Foto : PW II PNK Azmi bin Abdul Talib

AUDIT KESIAPSIAGAAN MPKS



KOTA KINABALU, 23 Sep – Markas Pemerintahan Kapal Selam atau MPKS sekali lagi telah melakar sejarah apabila berjaya mengekalkan pencapaian penarafan 5 bintang dalam Audit Kesiapsiagaan MPKS Tahun 2022 (AK MPKS 22) yang telah dilaksanakan mulai 19 hingga 23 Sep 22. Yang Berbahagia Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Hj Ayob selaku Ketua Audit telah menyempurnakan upacara perbarisan dan penutup AK MPKS 22.

Pucuk pimpinan tertinggi MPKS yang diterajui oleh Panglima Angkatan Kapal Selam, Laksamana Pertama Mohd Razib bin Tahir dengan cemerlang berjaya memimpin dan mengemudi markas ini sehingga berjaya meletakkan imej warga, aset, dan sistem pengurusan MPKS berada di tahap membanggakan. AK MPKS 22 melibatkan seramai 172 orang warga markas yang terdiri daripada 34 pegawai, 122 Lain-Lain Pangkat, dan 16 staf awam. Walaupun jumlah kekuatan ini kurang daripada kekuatan sebenar, namun atas komitmen dan Nilai Teras TLDM yang ada di dalam diri warganya, MPKS terus berjaya mengekalkan pencapaian penarafan 5 bintang di dalam Audit Kesiapsiagaan semenjak tahun 2013.

Bahagian Inspektorat Jeneral Markas Tentera Laut telah membangunkan konsep baharu audit kesiapsiagaan yang bertujuan untuk menilai tahap kesiapsiagaan secara lebih telus dan menyeluruh merangkumi aspek tugas teras dan pengurusan MPKS yang terbahagi kepada 9 komponen. Bahagian ini diketuai oleh Laksamana Pertama Mohd Fadzli Kamal bin Mohd Mohaldin, Inspektor Jeneral, Bahagian Inspektorat Jeneral Markas Tentera Laut, yang juga selaku Timbalan Ketua Audit AK MPKS 22.

AK MPKS 22 dimulakan dengan sesi taklimat pembukaan audit meliputi empat skop utama iaitu organisasi, prestasi, cabaran, dan hala tuju MPKS. Penilaian keselamatan dan evolusi kecemasan turut dijalankan dan diambil tindakan yang berkesan oleh warga MPKS. Atas keprihatinan pengurusan tertinggi MPKS, serta komitmen dan kesungguhan warga MPKS juga, markas turut memperolehi keputusan pencapaian yang cemerlang ketika lawatan pemeriksaan audit serta acara perbarisan.

Tahniah kepada Panglima Angkatan Kapal Selam dan warga MPKS di atas pencapaian yang membanggakan ini. Semoga pencapaian cemerlang ini berjaya menaikkan imej MPKS dan TLDM.

**BENKEL TEKNIKAL PENAMAAN FITUR DASAR LAUT DI BAWAH
SUB-COMMITTEE ON UNDERSEA FEATURE NAMES (SCUFN)
BERSAMA PEJABAT HIDROGRAFI VIETNAM DI HAI PHONG,
VIETNAM**



Moderator. Laksma Dr. Najhan bin Md Said sedang memberi taklimat kepada peserta bengkel.

Pusat Hidrografi Nasional sekali lagi telah berjaya memartabatkan nama Malaysia dan TLDM di pentas antarabangsa apabila kepakaran yang dimiliki oleh PHN telah diiktiraf negara luar. Laksma Dr. Najhan bin Md Said, Timbalan Panglima Armada Timur selaku Ahli Tetap Sub-Committee on Undersea Feature Names (SCUFN) dan beberapa tenaga pakar PHN telah dijemput untuk menjayakan Bengkel Teknikal Penamaan Fitur Dasar Laut anjuran Tentera Laut Vietnam (TLV). Bengkel Teknikal ini telah dilaksanakan pada 20-23 Jul 22 di Hotel Avani Harbour View, Hai Phong, Vietnam.

Kerjasama di antara Pusat Hidrografi Nasional dan Pejabat Hidrografi Vietnam di dalam aktiviti penamaan FDL telah bermula sejak Mei 2021 apabila negara tersebut mula terlibat sebagai negara pemerhati di dalam SCUFN pada tahun 2019. Kerjasama di antara kedua-dua pejabat hidrografi ini telah disenaraikan di bawah MOU Kerjasama Pertahanan antara Vietnam dan Malaysia. Melalui kerjasama yang telah

terjalin, PHN telah berjaya membantu Vietnam untuk mendaftarkan sebanyak 48 daripada 67 submissions penamaan FDL yang telah dimajukan kepada SCUFN.

Objektif utama Bengkel Teknikal Penamaan FDL kali ini lebih memfokuskan kepada melengkapkan dokumentasi permohonan semula (resubmissions) bagi penamaan 19 FDL yang telah ditangguhkan oleh SCUFN disebabkan oleh isu teknikal. Sehubungan itu, khidmat konsultasi teknikal daripada PHN amat diperlukan TLV bagi membantu negara tersebut untuk menyelesaikan isu teknikal dan membuat pembetulan terhadap permohonan yang telah dimajukan sebelum ini.

Laksma Dr Najhan telah terlibat secara aktif dalam aktiviti penamaan FDL sejak tahun 2018 selepas beliau dipilih International Hydrographic Organisation (IHO) sebagai Ahli Tetap SCUFN untuk penggal 2018 – 2022. Beliau juga merupakan satu-satunya ahli jawatankuasa daripada Asia Tenggara sejak SCUFN ditubuhkan pada 2006. Sebagai Ahli Tetap SCUFN, beliau sering dirujuk berkaitan proses penamaan FDL dan mempunyai obligasi untuk membantu negara serantau melengkapkan submissions kepada SCUFN. Bagi program Bengkel FDL anjuran TLV kali ini, beliau bertindak sebagai Moderator dan telah berkongsi kepakaran serta pengalaman beliau dalam proses melengkapkan dokumen submissions penamaan FDL di Laut China Selatan (LCS). Penglibatan beliau dan tim teknikal Pusat Hidrografi Nasional di dalam bengkel ini bukan sahaja memenuhi obligasi SCUFN dan kerjasama MOU, tetapi juga sebagai pemangkin kemuafakatan bersama negara serantau.

Selain Laksma Dr Najhan, delegasi Malaysia juga turut disertai oleh 3 orang pegawai hidrografi daripada PHN iaitu Lt Kdr Idzwan Naim bin Mohd Norwawi, Lt Kdr Mohd Firdaus Ghazali bin Mohd Yusof dan Lt Muhamad Khalis bin Ismail. Sepanjang berada di Vietnam, delegasi Malaysia telah melaksanakan perkongsian dengan TLV berhubung fungsi SCUFN dan pengalaman Malaysia dalam melaksanakan penamaan fitur dasar laut di bawah SCUFN. Tim teknikal yang terlibat juga turut memberikan tunjuk ajar dan khidmat nasihat kepada rakan sejawat, wakil Pejabat Peguam Negara serta Kementerian Luar Negeri Vietnam berhubung isu perundangan, teknikal dan spesifikasi data yang perlu dimajukan kepada SCUFN bagi memenuhi keperluan penamaan bagi setiap kriteria fitur dasar laut yang terlibat.

Secara dasarnya, bengkel yang diadakan ini telah berjaya mencapai objektifnya dan dalam masa yang sama telah mengeratkan lagi hubungan kerjasama di antara TLDM dan TLV serta pejabat hidrografi kedua-dua buah negara.

Sumber :Cawangan Geospatial Marin, Pusat Hidrografi Nasional

DARI DUSUN KE IBAN, MENYUSURI KEINDAHAN BUMI BORNEO MALAYSIA



MIRI, 13 Sep – Bumi yang hijau, dipenuhi bukit-bukau sejauh mata memandang, variasi flora dan fauna serta alam semulajadi yang masih terpelihara, memukau ibarat jatuh cinta pada sang gadis nirmala buat kali pertama. Bumi Borneo yang tidak ternoda oleh kerakusan manusia yang menggali kekayaan dengan menerjah pagar-pagar kudus rimba dan samudera demi memenuhi gaung-gaung kocek mereka yang selamanya tidak akan penuh, pasti akan meninggalkan seribu cakerawala kenangan buat si pengembara.

Sebagai unit tunggal yang mengoperasikan helikopter di Armada Timur merangkumi Kawasan Tanggungjawab (KTJ) serta Kawasan Operasi Maritim (KOM) yang besar di Sabah dan Sarawak, pelaksanaan penerbangan navigasi jarak jauh (*Long Navex*) merupakan kaedah terbaik menjangkau ke kawasan-kawasan operasi terpencil samada di sempadan daratan mahupun maritim. *Long navex* bukan sahaja melatih kru udara iaitu juruterbang, pegawai taktikal udara dan kuatermaster udara untuk merancang penerbangan dengan lebih teliti mengikut prosedur operasi tetap di tempat atau lapangan terbang yang berlainan, malah dapat menguji keupayaan pesawat baharu TLDM iaitu HOM AW 139 diterbangkan jauh dari *home base* di Stesen Udara Kota Kinabalu (SUKK) Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) Teluk Sepangar, Sabah.

Pada hari ini, Skuadron 503 melaksanakan penerbangan *long navex* melibatkan 2 buah pesawat HOM AW 139 (M503-1 dan M503-2) dari SUKK ke Bintulu, seterusnya Kuching, Miri dan kembali semula ke SUKK dengan jarak penerbangan sejauh 985 batu nautika. Pesawat-pesawat ini diterbangkan oleh Komander Hairul Afikin bin Tukimin TLDM, Pegawai Memerintah Skuadron 503 dan Komander Muhammad Firdaus bin Ramli TLDM, Pegawai Laksana Skuadron 503 beserta 14 orang kru terdiri daripada kru udara, pegawai kejuruteraan udara dan juruteknik pesawat. Ibarat sepuluh kali ukur, sekali kerat, semua kru bertungkus-lumus dalam penyediaan peta-peta udara, prosedur kawalan lalulintas udara di setiap lapangan terbang, persediaan pesawat dan keperluan bahan api, serta ramalan cuaca di semua turning point sepanjang penerbangan. Maklumat-maklumat tersebut diambil kira bagi menjayakan misi penerbangan tersebut.

Salah seorang juruteknik pesawat HOM AW 139, berasal dari Rumah Bayang Sungai Lengan Sibul Sarawak, Bintara Muda (BM) Teknisyen Marin Kuasagerak (TMK) Meringgai anak Sayun yang berketurunan Iban, beliau berasa teruja kerana berpeluang terbang bersama HOM AW 139 menyusuri negeri kelahiran beliau daripada ketinggian 1000 ke 5000 kaki. Walaupun tidak dapat melihat pekan Sibul dari tingkap helikopter atas faktor cuaca, beliau sangat berpuas hati dapat bersama-sama kru yang lain menjayakan misi penerbangan ini. BM TMK Meringgai diperjawatkan sebagai Pengurus Logistik Kejuruteraan Udara di Skuadron 503.

Artikel: Lt Kdr Ahmad Fitri bin Alias TLDM, Juruterbang Operasi Skuadron 503
Foto : PW I AQM Sahardi bin Mohd Sayuti

INISIATIF MENGIKTIRAF WARGA NAVY PEOPLE

KUALA LUMPUR, 11 Feb – Panglima Tentera Laut hari ini telah menyempurnakan pemakaian insignia Ts. (*Technologist Professional*) melibatkan Pegawai dari Cawangan Eksekutif, Bekalan dan Kejuruteraan serta insignia Tc. (*Certified Technician*) kepada warga *Navy People* yang diiktiraf. Pemakaian lencana ini telah dilaksanakan semasa majlis kenaikan pangkat di Markas Tentera Laut. Seramai tiga orang penerima insignia Ts. dan seorang penerima insignia Tc. telah disematkan lencana tersebut. Mendahului senarai ialah Kepten Ts. Dr. Shaftdean Lufty bin Rusland TLDM, Kepten Ts. Dr. Hisham bin Harun TLDM dan Kepten Ts. Mohd Nazree bin Hj Mhd Nor TLDM, disusuli pemakaian insignia Tc. terhadap PW I TLR Tc. Muhamad Razid bin Rosman.

Buat masa ini seramai 71 Pegawai TLDM telah diiktiraf sebagai Ts. dan 5 Teknisyen sebagai Tc. Justeru bagi baki pegawai dan anggota tersebut, pemakaian insignia akan disempurnakan oleh Panglima Markas Pemerintahan masing-masing. Sebagai maklumat warga *Navy People*, lambang dan reka bentuk insignia Ts. dan Tc. adalah hampir sama dengan insignia Ir. (Jurutera Profesional) sedia ada kecuali warna, di mana perbandingan adalah seperti di pautan berikut:

<https://www.facebook.com/100067407635021/posts/217044213885832/?d=n>

Selain pengiktirafan dengan pemakaian insignia Ts. dan Tc., pada masa yang sama pihak TLDM sedang berurusan dengan *Malaysia Board of Technologists* (MBOT)

untuk membolehkan *Navy People* diiktiraf di dalam *Community of Practise* (CoP) untuk bidang berkaitan demi kepentingan negara.

Warga *Navy People* wajar berbangga dengan kelulusan insignia Ts. dan Tc. oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di mana merupakan salah satu *roadmap* kepada warga *Navy People* untuk lebih berdaya saing.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI KDYMM YDP AGONG

PUTRAJAYA, 10 Jun - Istiadat Mengarak Panji-Panji KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong sempena Hari Keputeraan Rasmi Baginda telah berlangsung hari ini bertempat di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda (KDYMM SPB) Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj telah bercemar duli ke upacara pagi ini.

Bagi kontinjen TLDM, seramai 128 orang yang terdiri daripada 5 Pegawai dan 123 anggota Lain-Lain Pangkat telah terlibat dalam upacara istiadat ini. Kontinjen TLDM telah diketuai oleh Lt Kdr Wan Mohamad Firdaus bin Wan Ghazali TLDM manakala Pegawai Panji-Panji Agong TLDM adalah Lt Mohd Hafiz bin Zakaria TLDM.

Pegawai dan Anggota Kontinjen TLDM yang terpilih terdiri dari Unit-unit, Markas-markas dan kapal-kapal seluruh Pangkalan TLDM Lumut.

Sempena istiadat ini sebanyak lima (5) Panji-Panji KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong diarak oleh kontinjen-kontinjen dari tiga (3) perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM) melibatkan Panji-Panji Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Rejimen Renjer Diraja (RRD) dan Kor Armor Diraja (KAD), Panji-Panji Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Panji-Panji Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Kali terakhir upacara istiadat ini diadakan adalah pada tahun 2019, setelah hampir 2 tahun tidak diadakan dan selaras dengan negara telah memasuki fasa Endemik, maka Seri Paduka Baginda telah berkenan untuk istiadat berkenaan dilaksanakan pada tahun ini.

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany dan Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob antara yang hadir ke upacara istiadat ini.

Turut hadir ke upacara isitiadat ini adalah Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob serta isteri, YABhg Datin Sri Muhaini binti Zainal Abidin; Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Hussein serta isteri YM Datin Seri Tengku Marsilla Tengku Abdullah; Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM dan isteri YAM Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Datuk Hj. Tengku Muhaini binti Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Panglima-panglima Perkhidmatan yang lain, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Pihak Pengurusan Tertinggi ATM dan Kementerian Pertahanan.

JASA BAKTI VETERAN - KEPTEN JEFFRY BIN FAISAL TLDM (BERSARA)



KUALA LUMPUR, 6 Ogos - Kepten Jeffry Faisal TLDM (Bersara) merupakan seorang Veteran TLDM telah melakar sejarah sebagai Pegawai TLDM pertama, selain Pegawai PASKAL yang memiliki 2 kelayakan. Kelayakan tersebut ialah Ship Divers (SD) setelah lulus Kursus Penyelam Kapal (tahun 1986) di KD DUYONG dan Kursus Asas Payung Terjun (tahun 1986) di PULPAK, Sungai Udang, Melaka.

Veteran kini adalah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Firma BHIC Submarine Engineering Services Sdn Bhd (BSES). Semasa di dalam perkhidmatan, Veteran pernah menjadi Ketua Unit Kejuruteraan Elektronik & Persenjataan, Pasukan Projek Pembinaan Kapal Selam Scorpene TLDM yang pertama di Perancis dari tahun 2006 hingga 2013. Selain boleh memahami Bahasa Perancis, Veteran juga adalah fasih bertutur Bahasa Jerman.

Kepten Jeffry bin Faisal TLDM (Bersara) bukan sahaja cemerlang di dalam profesion beliau, beliau juga aktif dalam bidang sukan iaitu pelari marathon TLDM semasa berkhidmat di era 1980an. Kini beliau masih aktif dalam acara half-marathon.

Sumbangan dan jasa bakti Veteran TLDM ini amat di hargai, semoga ianya dijadikan motivasi serta inspirasi kepada warga Navy People untuk terus maju bagi kecemerlangan TLDM.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artikel : Laksda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Bahagian Sumber Manusia, Mk TL

JUST ANOTHER BUSY DAY FOR OUR BRAVE MEN FROM THE ARMED FORCES



JUST ANOTHER BUSY DAY FOR OUR BRAVE MEN FROM THE ARMED FORCES

For most Malaysians, Hari Raya means spending precious time with their loved ones. Sometimes, this entails travelling long distances to be with their parents, siblings and relatives. The joy and anticipation of being with their loved ones make the long and sometimes arduous journey a worthwhile effort.

However, for a small bunch of very special folk, Hari Raya is just another busy day at the office, very far away from loved ones. Once again, I was very privileged to have the opportunity to spend just a bit of time with these swell guys.

About a year ago, on 22 May, I wrote a short article about a bunch of guys who looked after the country's real estate located a few hundred miles away from land. This year, I had the wonderful chance of visiting another bunch, who looks after another area of national interest. Located in the east coast of Sabah, this Forward Operation Base (FOB) is manned by a handful of members from the three services of the Malaysian Armed Forces (MAF). In a nutshell, these guys are there to "get things done" when the need arises.

Like their MAF colleagues in other parts of the country, Hari Raya is just another work day, making sure that "certain things will get done" should the "bad guys" show up. For them, there is no time to shop for "baju raya", help the wife hang fresh new curtains or hug and seek forgiveness from their loved ones on the morning of Aidilfitri.

Having said all that, it is ironic that there is little interest in these people who look after the country's national interest.

By: Admiral Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany

KAKADU 2022 - REFUELLING AT SEA

LAUT TIMOR, 11 Sep - KD LEKIU telah berjaya melaksanakan Refuelling at Sea bersama kapal HMAS STALWART sebelum memasuki perairan Darwin, Australia dan akan merapat di Fort Hill Wharf bagi menyertai Eks KAKADU 2022. Evolusi ini telah dikendalikan oleh warga kapal dengan selamat dan dalam keadaan cuaca yang baik.

Eks KAKADU 2022 merupakan ekksesais multilateral yang melibatkan 34 angkatan laut dari pelbagai negara dengan pembabitan aset yang besar di Darwin, Australia. Ianya merupakan ekksesais yang telah mencapai 30 tahun yang dianjurkan oleh Tentera Laut Diraja Australia. Penglibatan KD LEKIU bagi mewakili Malaysia dalam ekksesais ini menyediakan peluang bersama dengan semua negara sahabat untuk melaksanakan aktiviti maritim secara multinasional meliputi operasi dan peperangan tahap tinggi.

Eksesais ini akan bermula 12 hingga 26 Sep 22 yang merangkumi fasa pelabuhan, fasa laut dan penutup. Warga KD LEKIU kini kekal bersemangat dan bersedia untuk menyertai Eks KAKADU 2022.

Artikel : LT Ts. Abdul Haziq bin Abdul Majid TLDM
Foto : Lt Kdr Mohd Faizzuddin bin Sahidon TLDM

KAKADU 2022 PELAYARAN KD LEKIU KE NEGARA 'DOWN UNDER'



Sebahagian peserta Eksesais KAKADU 2022 yang terdiri daripada negara Indo-Pasifik

KUALA LUMPUR, 17 Sep - Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sekali lagi menyertai eksesais berskala besar di peringkat antarabangsa bagi tahun 2022 iaitu Eksesais KAKADU 2022 (KA22) yang bermula pada 12 September hingga 24 September 2022 di Darwin, Australia.

Ini adalah selepas penyertaan Eksesais Rim of the Pacific (RIMPAC) 2022 di Hawaii, Amerika Syarikat, Ogos lalu oleh kapal jenis Korvet, iaitu Kapal Diraja (KD) LEKIR, tetapi kali ini kapal jenis Frigate, KD LEKIU ditugaskan menyertai KA22 bagi mewakili Malaysia.

Penyertaan KD LEKIU dalam Eksesais KAKADU 2022 merupakan penyertaan kali kedua dan kelima bagi TLDM sejak 2001. KD LEKIU telah memulakan pelayaran dari Tambatan Pangkalan TLDM Lumut pada 23 Ogos dan tiba di Darwin pada 12 September lalu. Sebelum tiba di Darwin, KD LEKIU turut terlibat dalam Eksesais MALINDO JAYA 26/22 di Surabaya, Indonesia. Pelayaran KD LEKIU ke Darwin membuktikan kemampuan TLDM untuk turut serta dalam latihan ketenteraan terbesar Australia yang melibatkan negara-negara rantau Indo-Pasifik.

KD LEKIU berpeluang melaksanakan Refuelling At Sea (RAS) bersama kapal logistik Tentera Laut Diraja Australia, HMAS STALWART sebelum memasuki perairan Darwin.

Pelbagai aktiviti dirancang dalam KA22 yang bukan sahaja melibatkan latihan ketenteraan tetapi turut menekankan aspek kerjasama, kepimpinan dan persahabatan di antara negara yang terlibat melalui aktiviti sukan (KAKADU Shield Ninja Challenge) dan majlis resepsi.

Pada hari ini, KD LEKIU telah terlibat dalam latihan penembakan meriam dan berjaya mengenai sasaran.

“Eksesais Kakadu adalah aktiviti melibatkan tentera laut di peringkat antarabangsa yang bertujuan mengeratkan lagi hubungan antara negara yang mengambil bahagian. Bertemakan ‘Kerjasama (Partnership), Kepimpinan (Leadership), Persahabatan (Friendship)’ pada eksesais kali ini, ianya amat penting dalam pelaksanaan eksesais selama 15 hari di laut dan darat.

“Eksesais Kakadu menyediakan peluang yang sangat baik untuk rakan serantau menjalankan aktiviti maritim multinasional merangkumi operasi penguatkuasaan kepada peperangan maritim bertaraf tinggi dalam persekitaran gabungan,” kata Panglima Tentera Laut Australia, Vice Admiral Mark Hammond ketika berucap di Majlis Pembukaan KA22 pada 12 September.

Selain KD LEKIU yang terlibat sebagai aset utama, KA22 turut melibatkan enam orang delegasi daripada TLDM yang diketuai Panglima Armada Barat, Laksamana Madya Datuk Abu Bakar bin Md Ajis, Komander Shahrizan Jaszle binti Jasmin TLDM, dua orang Sea Rider, Leftenan Komander Lavendra a/l Jayamohan TLDM dan Leftenan Komander Shahryzal bin Abu Samah TLDM serta dua orang Exercise Controller (EXCON) iaitu Leftenan Komander Arifazizi bin Azizi TLDM dan Leftenan Komander Mohd Shahril bin Abdul Ghani TLDM.

Pegawai TLDM yang ditugaskan sebagai Sea Rider berperanan bagi memastikan koordinasi siri latihan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Mereka ini ditempatkan di kapal tentera laut negara asing. Sea Rider bertanggungjawab dalam memerhati dan merekodkan prosedur latihan yang dilaksanakan serta membuat laporan sebagai rekod pelaksanaan latihan. Rekod ini akan menjadi rujukan bagi setiap negara yang terlibat dalam menambahbaik prosedur pelaksanaan operasi terutama apabila terdapat keperluan operasi bersama tentera laut asing. Di samping Malaysia, wakil negara Filipina, Fiji, Solomon Island, New Zealand, Samoa dan Kemboja turut diberi peluang sebagai Sea Rider. Penglibatan sebagai Sea Rider dalam eksesais kali ni menunjukkan kepercayaan Tentera Laut Diraja Australia kepada kebolehan Pegawai TLDM dalam memastikan koordinasi siri latihan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik.

Buat pertama kalinya, dua pegawai TLDM juga telah diberi kepercayaan menjadi EXCON. Sebagai EXCON, mereka perlu berkerjasama dalam Battle Watch yang mana setiap siri latihan diperhatikan termasuk pengurusan logistik, sumber manusia dan pentadbiran eksekutif bagi memastikan latihan berjalan dengan lancar. Disamping itu, TLDM turut diberi kepercayaan memikul tanggungjawab sebagai pegawai perhubungan awam bersama Tentera Laut Amerika Syarikat dalam memastikan publisiti eksekutif ini sampai kepada khalayak sasaran.

Kehadiran Panglima Armada Barat dalam eksekutif ini membuktikan kesungguhan Malaysia dalam mengeratkan hubungan diplomasi pertahanan antara negara-negara yang terlibat. Pertemuan ini juga memberi peluang kepada Malaysia untuk bertukar maklumat semasa berkaitan keselamatan laluan serta industri maritim.

KA22 merupakan eksekutif dwi tahunan anjuran Australia diketuai Tentera Laut Diraja Australia dan dibantu Tentera Udara Diraja Australia yang melibatkan negara-negara Indo-Pasifik. Eksekutif kali ini melibatkan seramai 3000 peserta, 15 kapal dan lebih daripada 30 pesawat dari 20 buah negara.

Partnership, Leadership and Friendship

KAPAL TLDM SAMBUT ULANG TAHUN KEMERDEKAAN KE-65 DI SURABAYA, INDONESIA



SURABAYA, 31 Ogos – “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” merupakan slogan kemerdekaan negara kita pada tahun ini. The Navy People KD LEKIU dan KD SRI INDERA SAKTI turut tidak terkecuali bersatu dan bersama menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan negara yang ke-65 walaupun sedang menjalani Eksesais Bilateral Malaysia-Indonesia siri 26AB/22 atau MALINDO JAYA 26AB/22 di Surabaya, Indonesia.

Lebih manis semasa sambutan kali ini, kapal-kapal TLDM diberi kesempatan untuk merapat di Dermaga Madura, KOARMADA II buat julung kalinya yang merupakan Pangkalan Tentara Nasional Indonesia – Angkatan Laut (TNI-AL) di Surabaya.

Sementara menunggu detik ambang merdeka, KD SRI INDERA SAKTI telah menganjurkan Majlis Resepsi MALINDO JAYA pada malam 30 Ogos 2022 sebagai tanda penghargaan kepada delegasi TNI-AL yang telah menyediakan pelbagai kemudahan sepanjang kapal TLDM di sini. Majlis ini telah dihadiri oleh Panglima Armada Barat, YBhg Laksamana Madya Datuk Abu Bakar bin Md Ajis serta Panglima Komando Armada II, Laksamana Muda TNI T.S.N.B Hutabarat selaku tetamu kehormat dan pegawai-pegawai kanan dari TNI-AL. Turut serta semasa Majlis Resepsi ini adalah warga kapal yang terlibat dengan eksesais ini.

Sepanjang majlis berlangsung, kedua angkatan laut telah disajikan dengan persembahan dari Badan Kesenian (BAKES) TLDM, dikir barat KD LEKIU,

persembahan khas alunan violin oleh Lt Amirul Faris bin Abdul Rahim TLDM dan sesi karaoke dari kedua-dua delegasi selain pelbagai hidangan menarik yang disediakan oleh pihak TLDM. Majlis diakhiri dengan kolaborasi Tarian Tradisional Malaysia oleh kedua angkatan laut. Kemesraan kedua delegasi jelas terserlah sepanjang majlis ini berlangsung.

Selepas selesai Majlis Resepsi MALINDO JAYA, acara diteruskan dengan menunggu detik ambang merdeka di kedua-dua kapal. Pada jam 11 malam (2300G) Surabaya atau detik tengah malam waktu Malaysia, laungan “Merdeka” jelas kedengaran di seluruh Dermaga Tengah, KOARMADA II, Surabaya daripada The Navy People di KOARMADA II. Yang Berbahagia Panglima Armada Barat turut bersama-sama warga TLDM menyanyikan lagu Negaraku dan Tanggal 31 serta meraikan hari kemerdekaan negara ke-65 dengan meriah. Selain itu, warga KD LEKIU turut membuat formasi 65 sebagai simbolik 65 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan.

Walaupun jauh di perbatasan, nilai sebuah kemerdekaan kepada negara kita amat dihargai dan dihayati oleh setiap perajurit yang menyarung seragam Angkatan Tentera Malaysia amnya dan TLDM khasnya. The Navy People Armada Barat akan sentiasa bersiap siaga bagi memastikan kedaulatan negara Malaysia tercinta sentiasa dijaga dan terpelihara.

Kemanisan menyambut hari kemerdekaan di bumi Surabaya membuktikan keterbukaan dan jalinan erat saudara serumpun kedua angkatan laut serta akan kekal terpahat di memori The Navy People yang terlibat. Sedia Berkorban!

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

Artikel : Lt Kdr Najib Ahba bin Abd Hamid TLDM

Foto : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

KD JEBAT LAKSANA LATIHAN BERSAMA KAPAL TENTERA LAUT DIRAJA KANADA



LUMUT, 21 September – Latihan Passage Exercise (PASSEX) di antara kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) iaitu KD JEBAT dan kapal Tentera Laut Diraja Kanada, HMCS WINNIPEG telah dilaksanakan di sekitar perairan Selat Melaka pada 20 September 2022.

HMCS WINNIPEG yang merupakan kapal perang Kanada tiba di negara ini pada 14 September 2022 yang lalu, telah berlepas dari Pelabuhan Klang semalam selepas menamatkan program lawatan muhibahnya disamping meraikan sambutan ulang tahun hubungan diplomatik ke-65 tahun di antara kedua-dua negara.

PASSEX merupakan salah satu inisiatif pihak TLDM dan Tentera Laut Diraja Kanada bagi mengeratkan hubungan diplomatik kedua-dua buah negara serta meningkatkan keupayaan kebolehooperasian bersama.

Bagi memenuhi objektif latihan, beberapa evolusi telah direalisasikan merangkumi latihan Manuvra Taktis, Replenishment at Sea Approach (RASAP) dan Komunikasi sebelum diakhiri dengan Sail Past and Breakaway oleh HMCS WINNIPEG di lambung kiri KD JEBAT.

Selain itu, pesawat fennec TLDM juga turut terlibat dalam latihan ini sebagai aset sokongan bagi melaksanakan penggambaran dari udara. KD JEBAT juga telah berpeluang untuk melaksanakan latihan dalaman bagi meningkatkan kompetensi

warganya melalui latihan Mengawal Kebanjiran dan Melawan Api (MKMA) dan Surface Tactical Firing.

Kejayaan latihan ini membuktikan komitmen yang jitu di antara kedua-dua belah pihak iaitu KD JEBAT dan HMCS WINNIPEG dalam mewujudkan hubungan dua hala yang strategik serta keupayaan kebolehoperasian aset TLDM bersama angkatan laut sahabat disamping memperkasakan hubungan diplomasi pertahanan kedua-dua buah negara. Bravo Zulu!

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

Artikel : Lt Kdr Mohammad Firdaus bin Moridon TLDM

Foto : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

KD LEKIU DAN KD SRI INDERA SAKTI BELAYAR MERENTASI GARISAN KHATULISTIWA SEMPENA EKS MALINDO JAYA 26AB-22



Warga bersama Sijil Crossing Equator

PERAIRAN SUMATERA (INDONESIA), 25 Ogos – KD LEKIU dan KD SRI INDERA SAKTI telah berjaya melintasi garisan khatulistiwa pada 251410H Ogos 22 di latitud 00o00.00 dan longitud 106o30.89T semasa pelayaran menuju ke Surabaya sempena Eks MALINDO JAYA 26AB/22.

KD LEKIU telah meraikan acara melintasi garisan khatulistiwa (Crossing Equator) sebagai salah satu tradisi tentera laut. Sambutan dimeriahkan lagi dengan sesi penyampaian sijil Crossing Equator sebagai tanda kenang-kenangan yang disempurnakan oleh Pegawai Memerintah KD LEKIU, Pemangku Kepten Mohd Reduan bin Ayob TLDM kepada semua warga sejurus kapal melintasi garisan tersebut.

Semoga aktiviti ini dapat memberikan memori terindah kepada warga kapal dan mengekalkan semangat untuk terus komited dalam meneruskan pelayaran Regional Partnership Exercise 2022. Felicitation en Bon Voyage!!!

Artikel : Lt Dya Muhamad Shafie bin Mohd Jusoh TLDM

Foto : LK TNL Edhan Shafary bin Abdul Latif

KEARAH KELESTARIAN EKOSISTEM



Penyelam pembersihan dasar laut pulang bersama kutipan sampah dari dasar laut.

KOTA KINABALU, 27 Ogos – Panglima Angkatan Kapal Selam, Yang Berbahagia Laksamana Pertama Mohd Razib bin Tahir telah menyempurnakan Majlis Perasmian Program Jiwa Murni Borneo Ultra Ocean Clean-Up 2022 bertempat di Taman Awam Teluk Likas, Kota Kinabalu pada 27 Ogos 22.

Di sebalik tugas menjaga kedaulatan dan perairan negara, Angkatan Kapal Selam TLDM dengan kerjasama Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah (IPMB UMS) telah mengambil peluang melaksanakan tanggungjawab sosial untuk menabur bakti kepada komuniti setempat dalam menganjurkan program jiwa murni yang tertumpu kepada pembersihan pantai Teluk Likas dan pembersihan dasar laut di Taman Tunku Abdul Rahman serta Pulau Sepanggar.

Program ini juga turut mendapat sokongan oleh Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah, Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Negeri Sabah & W.P Labuan, Jabatan Laut Malaysia (Wilayah Sabah), Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Kinabalu, Pasukan Polis Marin Wilayah 4 Sabah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sabah,

Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia Negeri Sabah (Zon 1 Kota Kinabalu), Wildlife Fund (WWF) – Malaysia, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu serta orang awam.

Program yang julung kalinya diadakan telah melibatkan seramai 146 orang penyelam bagi pembersihan dasar laut serta seramai 422 orang bagi pembersihan pantai telah dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi memastikan kebersihan persekitaran kawasan tumpuan awam di sekitar Kota Kinabalu dapat dipertingkatkan sekaligus menggalakkan sektor pelancongan Negeri Sabah.

Program yang dilaksanakan bersempena dengan sambutan Oceans Celebration ini secara tidak langsung dapat memupuk kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga pantai serta laut telah mengukuhkan lagi hubungan serta kerjasama di antara agensi-agensi utama negeri ini dan masyarakat setempat dalam menjana kemakmuran dan kelestarian Negeri Sabah.

Sumber : Pejabat Perhubungan Awam (N7) MPKS

KEJAYAAN REFIT CB 202 BERKONSEPKAN ZERO TO HERO***Laksma Hj Satria Sarawak dan delegasi bersama wakil Limbungan Shin Yang Sdn Bhd***

MIRI, 15 Mac - Panglima Logistik Timur, Laksamana Pertama Hj Satria Sarawak hari ini menyempurnakan penerimaan *Combat Boat (CB) 202* dari Limbungan Shin Yang Sdn Bhd setelah bot selesai menjalani *refit*. Projek *refit* CB 202 ini melakar sejarah apabila buat pertama kali CB 90 menjalani projek senggaraan yang unik berkonsepkan *Zero to Hero* atau “*revive*”. Ini kerana skop utama senggaraan melibatkan *total repowering, major re-structure, extensive modification and significant survivability improvement*. Kesemua kerja tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya oleh anak tempatan tanpa melibatkan *Original Equipment Manufacturer (OEM)* luar negara. Lebih membanggakan ialah *refit* CB 202 telah disiapkan mengikut obligasi kontrak tanpa *Variation Order (VO)*.

Pendekatan konsep *Zero to Hero* bagi *refit* CB 202 dilaksanakan setelah mengambil kira kondisi CB 201 hingga CB 205 sejak perolehan pada penghujung tahun 1990an dan insiden tahun 2013. Tahniah diucapkan kepada warga *Navy People* dan limbungan yang terlibat dengan projek *refit* CB 202 ini.

Semoga ianya menjadi inspirasi kepada warga *Navy People* untuk terus kreatif dan berinovasi demi kebaikan serta kecemerlangan TLDM.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Kept Ts. Abd Razak bin Ahmad TLDM

KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN PENYELARASAN MARITIM APMM KE ATAS INSPEKTOR JENERAL TLDM



Laksda (M) Hamid bin Hj Mohd Amin menandatangani buku pelawat Bahagian Inspektorat Jeneral

KUALA LUMPUR, 17 Feb - Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Laksda (M) Hamid bin Hj Mohd Amin hari ini telah melaksanakan kunjungan hormat kepada Inspektor Jeneral TLDM, Laksda Chan Peng Cheong. Pertemuan ulung ini dimulakan dengan menandatangani buku pelawat Pejabat Inspektor Jeneral.

Perjumpaan ini merupakan inisiatif kedua-dua pihak dalam memperkasakan kerjasama dan penambahbaikan ke arah kecemerlangan TLDM dan APMM bersama. Pelbagai isu telah dibincangkan, terutamanya berkenaan peranan penting dalam memastikan sistem audit yang kukuh dan berkesan dari segi semua aspek.

Perbincangan turut berkisar tentang cabaran dan perkembangan semasa pandemik Covid-19 serta norma baharu yang telah mengubah pelaksanaan tugas harian secara drastik. Kerjasama berterusan di antara TLDM dan APMM sangat penting dalam melaksanakan pemantauan dan rondaan berterusan bagi memastikan tiada ancaman keselamatan konvensional mahupun bukan konvensional yang boleh menggugat kesejahteraan Negara.

Selain perbincangan berkenaan operasi dan tugas teras, Inspektor Jeneral turut berkongsi berkenaan Pelan Strategik TLDM 2125 dan cabaran yang dihadapi dalam merealisasikan objektif serta semua teras strategi yang telah digariskan.

Pertemuan diakhiri dengan pertukaran cenderahati di antara kedua-dua Panglima. Lawatan turut disertai oleh Kdr (M) Izwanhadi bin Idros dan Kdr Abdul Halim bin Mohammad TLDM.

Artikel : Lt Kanthan a/l Jeyaprakash TLDM

Foto : LK PWP Muhamad Zul Akmal bin Ahmad

KURSUS PENGENDALIAN KES MAHKAMAH TENTERA DAN SIDANG KUASA TERUS (LLP)



LUMUT, 30 Mei – Bahagian Perundangan Markas Tentera Laut telah menganjurkan Kursus Pengendalian Kes Mahkamah Tentera Dan Bidang kuasa Terus (LLP) bermula 25 Mei 22 hingga 27 Mei 22 bertempat di Bangunan Mahkamah Tentera, Pangkalan TLDM Lumut.

Kursus melibatkan seramai 25 anggota lain-lain pangkat (LLP) yang melaksanakan atau bakal melaksanakan tugas selaku Juragan dan Bintara Tatatertib bagi mengukuhkan kemahiran Juragan dan Bintara PRL di dalam pengurusan kes-kes disiplin yang melibatkan pemakaian undang-undang dan memberi pendedahan berkenaan pemakaian undang-undang sivil kepada warga TLDM.

Penceramah jemputan bagi kursus kali ini adalah Lt Kdr Ahmad Mustaqim bin Shamsudin TLDM, Pegawai Staf Perundangan Kontrak; Lt Kdr Arif Aizuddin bin Alwi TLDM, Pegawai Staf Perundangan MPPL; Lt Muhamad Sapawi bin Md Noh TLDM, Pegawai Staf Perundangan MPAB dan PW I PRL Yusri bin Shaari, Juragan PROTELA Lumut. Majlis penutup kursus telah disempurnakan oleh Kdr Mohd Samsuni bin Said TLDM, Pegawai Staf 1 Perundangan, Bahagian Perundangan Markas Tentera Laut.

Sumber : Bahagian Perundangan Markas Tentera Laut

Artikel : Bintara Muda PRL Suib bin Daud

KURSUS PENGGUNA HRMIS DAN PENGURUSAN DATA BPR SIRI 2-22



KOTA KINABALU, 28 Ogos - Seksyen BPR & HRMIS, Cawangan Dasar dan Perancangan Sumber Manusia, Markas Tentera Laut telah menganjurkan Kursus Pengguna *Human Resource Management Information System* (HRMIS) dan Kursus Tatacara Pengurusan Data *Billet Pre-Requisite* (BPR) Siri 2/22 di Pusat Sumber Komuniti, Markas Pangkalan TLDM Kota Kinabalu dari 23 hingga 26 Ogos 2022.

Kursus tersebut diadakan khusus untuk pegawai dan anggota yang berperanan untuk mengendalikan dan mengemaskini data di dalam Sistem HRMIS ATM serta pelaporan BPR di Markas, Pangkalan dan Unit TLDM.

Objektif kursus ini adalah memperkenalkan peserta kepada konsep, proses dan fungsi-fungsi yang disediakan dalam Sistem HRMIS ATM termasuk proses kerja yang berkaitan. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memberi pemahaman dan membimbing peserta dalam menggunakan modul serta proses-proses pengurusan sumber manusia menggunakan Sistem HRMIS ATM.

Kursus ini juga turut memberi pendedahan dan pengetahuan berkenaan tatacara pengurusan data BPR serta formula pengiraan yang digunakan. Latihan praktikal atau sesi hands on bagi Sistem HRMIS ATM oleh kesemua peserta turut dilaksanakan agar setiap peserta dapat memahami tatacara penggunaan sistem tersebut dengan lebih mendalam.

Seramai 20 peserta terdiri daripada 10 pegawai dan 10 anggota telah mengikuti dan menamatkan kursus dengan jayanya. Mereka terdiri daripada pegawai dan anggota daripada Markas Pemerintahan Armada Timur dan unit dibawah naungan.

Artikel : Lt M Sitti Nurfarrieza binti Titingan PSSTLDM

Foto : LK TNL Fatin Nor Izatie binti Mahadi

KURSUS PERUBATAN TEMPUR PASKAL SIRI 1-22

LUMUT, 29 Jul – Kursus Perubatan Tempur PASKAL siri 1/22 julung kali diadakan dan telah dianjurkan oleh KD PANGLIMA HITAM dengan kerjasama 96 Hospital Angkatan Tentera dan Markas Udara TLDM. Kursus ini dihadiri oleh 30 x anggota PASKAL dan tenaga pengajar jemputan terdiri daripada 2 x Pakar Kecemasan 96 HAT, 1 x Pakar Kecemasan Hospital Banting, 2 x Pegawai Perubatan dari KD PANGLIMA HITAM dan 10 Brigade Para serta 2 x Paramedik berkepakaran Tactical Combat Casualty Care (TCCC) dari HTD Gemas dan HAT TM.

Komponen kursus ini terdiri daripada TCCC, Underwater Medicine dan Close Quarter Combat. Modul kursus ini dibahagi kepada kelas teori, praktikal, live tissue training dan real live simulation of MEDEVAC by winching method. Peserta kursus telah berpeluang untuk melakukan rawatan trauma ke atas 5 ekor kambing hidup untuk mengukuhkan keyakinan dan kemahiran peserta dalam memberi rawatan trauma di medan perang.

Peserta juga dilatih untuk melaksanakan Tactical Combat Casualty Care yang terdiri daripada Care Under Fire, Tactical Field Care dan Tactical Evacuation. Selain itu, para peserta telah diajar tatacara untuk menyelamatkan penyelam yang lemas serta teknik untuk melakukan resusitasi ke atas mangsa yang lemas.

Bagi kawalan kualiti kursus, ujian teori dan praktikal telah dilaksanakan pada hari terakhir kursus. Bagi ujian praktikal, peserta kursus dibahagikan ke 4 kumpulan dan

setiap kumpulan dikehendaki melakukan simulasi serangan serta melaksanakan semua komponen TCCC sehingga berjaya membuat MEDEVAC by winching method. Penglibatan 1 x Super Lynx Mk100 dari Skuadron 501 telah membantu untuk pelaksanaan MEDEVAC by winching.

Hanya peserta yang lulus ujian teori dan ujian praktikal layak menerima sijil Kursus Perubatan Tempur PASKAL. Bagi siri ini, semua peserta telah menunjukkan prestasi yang cemerlang di mana kesemua peserta telah lulus ujian teori dan praktikal. Penuntut terbaik telah disandang oleh 829705 BK PAP (PKL) Mohd Sarizam bin Mustafa dari KD PANGLIMA GARANG dengan markah kesuluruhan 96.5%.

Majlis Penutup Kursus Perubatan Tempur PASKAL siri 1/22 ini telah disempurnakan oleh Kept George Paul Thomas Rozario TLDM, Ketua Staf Markas Pemerintahan Pasukan Khas Laut.

Kredit: Kapt (Dr) Lim Shimri

KURSUS PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN PROTELA

GELUGOR, 12 Ogos - Bahagian Provos Tentera Laut (PROTELA) Markas Tentera Laut telah menganjurkan Kursus Perundangan dan Penguatkuasaan mulai 8 hingga 12 Ogos bertempat di KD SRI PINANG, Pulau Pinang. Kursus yang disertai 4 Pegawai dan 20 Anggota Lain - lain Pangkat diadakan bertujuan memberi pendedahan kepentingan undang-undang di dalam melaksanakan tugas kepolisan dan memperkasakan pegawai dan anggota PROTELA dalam aspek penguatkuasaan di lapangan. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada Pegawai PDRM, Pegawai SPRM dan Pegawai dari Bahagian Perundangan Markas Tentera Laut.

Peserta kursus juga dilatih secara praktikal oleh Pegawai PDRM untuk melaksanakan pengendalian dan pengurusan Tempat Kejadian Jenayah (TKJ). Peserta juga diajar untuk melakukan teknik pengeledahan, rajah kasar serta teknik mengambil foto. Semua pembelajaran yang disampaikan amat berguna untuk diaplikasi oleh Pegawai Penyiasat dari Provos Tentera Laut semasa melaksanakan siasatan.

Majlis Penutup Kursus Perundangan dan Penguatkuasaan PROTELA telah disempurnakan oleh Kept Roslee bin Mohamad Isa TLDM, Marsyal Provos Tentera Laut.

Sumber : Bahagian Provos Tentera Laut (PROTELA), Markas Tentera Laut

LARIAN TEGUH BERSAMA - 5KM SMART RUN MARKAS TENTERA LAUT



KUALA LUMPUR, 20 Sep – Larian Teguh Bersama anjuran Markas Tentera Laut hari ini melakar sejarah iaitu pertama kali di dalam TLDM dilaksana menggunakan teknologi RFID (radio frequency identification) bagi kiraan secara kumulatif. Teknologi ini membolehkan pengesanan tempoh larian setiap peserta, termasuk setiap Bahagian yang turut serta dapat dikira untuk dianalisis dengan cepat dan tepat.

Pelepasan larian ini telah disempurnakan oleh YBhg Panglima Tentera Laut, di mana konsep larian adalah Smart Run yang bersandarkan tema Bulan Kebangsaan tahun 2022 iaitu Teguh Bersama.

Larian 5km ini melibatkan hampir 500 pegawai dan anggota Markas, di mana kiraan kedudukan setiap Bahagian adalah berdasarkan masa purata. Tahniah diucapkan kepada warga Navy People yang telah memenangi Kategori Individu mengikut umur, serta Bahagian Kejuruteraan yang telah memenangi tempat pertama Kategori Bahagian.

Susulan aktiviti ini, warga Navy People hendaklah terus mengamalkan aktiviti sihat dan pemakanan yang seimbang bagi mencapai Dasar 3K (Kesegakan, Kecergasan dan Kesihatan) yang ditetapkan oleh TLDM, agar ianya menjadi suatu amalan atau budaya di dalam kehidupan demi kepentingan perkhidmatan.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : LK PWP Muhamad Zul Akmal bin Ahmad

LATIHAN KUASA TEMBAKAN (LKT) TAHUN 2022



GEMAS, 21 Jun – Acara tahunan Tentera Darat Malaysia (TDM), Latihan Kuasa Tembakan (LKT) tahun 2022 telah berlangsung di Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan, hari ini.

LKT kali ini telah disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein dengan diiringi Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Affendi bin Buang TUDM dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain.

Satu kebanggaan buat Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) apabila Pesawat Udara TLDM iaitu helikopter Super Lynx dan AS555 Fennec turut terlibat dalam LKT kali ini bagi segmen tembakan langsung LKT dengan pelaksanaan maneuver dan kuasa tembakan yang turut melibatkan aset Infantri, Mekanize, Armor, Artileri, PUTD dan Pesawat Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany turut hadir bagi menyaksikan penglibatan pasukan TLDM dalam latihan kali ini.

Disamping beliau, antara barisan kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang turut hadir adalah Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, panglima-panglima

perkhidmatan serta penuntut Kursus Pemerintahan dan Staf Malaysia dari Maktab Turus Angkatan Tentera.

Latihan yang melibatkan seramai 2,300 pegawai dan anggota daripada pelbagai kepakaran serta 644 pelbagai jenis kenderaan tempur, kenderaan sokongan dan sistem persenjataan ini adalah pendekatan yang selari dengan perancangan MINDEF dan ATM di bawah Pelan Strategik MINDEF 2022 serta Kertas Putih Pertahanan iaitu memastikan kesiagaan ATM terus berada pada tahap tertinggi demi mempertahankan kedaulatan negara.

Artikel : LK PRL Mohd Faisa bin Mamat

Foto : BM PNK Muhammad Fairuz bin Muhammad Azman

LATIHAN TEMPATAN PSTL KUCHING DI KAPAL DIRAJA MAHAWANGSA 1504



KUCHING, 22 Jan - Seramai 12 orang pegawai dan 45 orang anggota PSSTLDM telah menyertai Latihan Tempatan di KD MAHAWANGSA. Latihan seumpama merupakan salah satu usaha dan inisiatif bagi mendedahkan Pasukan Simpanan Sukarela TLDM dengan rutin dan tugas sebenar di kapal-kapal milik Tentera Laut Diraja Malaysia.

Pasukan telah disambut oleh Pegawai Memerintah KD MAHAWANGSA, Kepten Mohd Amin Bin Mat Tahir TLDM dan seluruh warga Merong Perkasa. Menerusi ucapan yang disampaikan, Kept Mohd Amin mengalu-alukan kedatangan warga PSTL Kuching dan amat berharap latihan yang diberikan sepanjang berada di KD MAHAWANGSA dapat dimanfaatkan dan di adaptasi pada masa akan datang.

Selain mempertingkatkan kualiti Latihan Tempatan, latihan yang diadakan telah memberi impak memberansangkan kepada warga PSTL Kuching di samping sebagai pendedahan awal kepada Pegawai Kadet dan Perajurit Muda PSSTLDM.

Latihan yang dilaksanakan, mematuhi Prosedur Operasi Standard seperti yang digariskan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak dalam mengekang wabak COVID19.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : LT M Syful Mirza bin Alluwie PSSTLDM

Foto : BM PAP Mohd Zaimi bin Bohari

Pt M Muhammad Azuan Fareezie bin Mahdeli

LAWATAN HMCS WINNIPEG KE MALAYSIA KUKUHKAN KERJASAMA TLDK – TLDM



Pegawai Kanan TLDM bersama Pesuruhjaya Tinggi Kanada dan Pegawai Memerintah HMCS Winnipeg sebelum kapal belayar keluar.

PULAU INDAH, 20 Sep - Kapal frigate Tentera Laut Diraja Kanada (TLDK) HMCS Winnipeg (FFH 338) telah menamatkan lawatan operasi selama tujuh hari ini.

Kapal itu telah tiba di Pelabuhan Klang pada 14 September lepas dengan disambut Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia dan pegawai kanan TLDM yang diketuai oleh Kepten Shahriz Faisal bin Abdullah TLDM, Pengarah Strategi dan Polisi, Markas Tentera Laut.

HMCS Winnipeg adalah kapal frigate kelas Halifax dan diketuai Commander Annick Fortin sebagai Pegawai Memerintah dengan kekuatan seramai 250 orang. Selesai penugasan di Eksesais Rim of the Pacific (RIMPAC) 2022, kapal telah meneruskan pelayaran ke Asia Tenggara dalam Operasi PROJECTION.

Ini adalah lawatan kedua HMCS Winnipeg ke Malaysia, kapal itu tiba buat kali pertama pada tahun 2017. Lawatan kali ini juga signifikan dengan sambutan 65 tahun hubungan diplomatik antara Malaysia dan Kanada.

Setiba di Pelabuhan Klang, Commander Fortin bersama delegasi telah membuat kunjungan hormat ke atas Ketua Pengarah Hidrografi, Laksamana Muda Datuk Hanafiah di Pusat Hidrografi Nasional. Kapal juga telah mengadakan majlis resepsi yang turut dihadiri warga TLDM.

Selain itu, warga HMCS Winnipeg telah melaksanakan aktiviti jiwa murni di Pusat Komuniti Mah Meri bersama ahli komuniti setempat dan juga melawat ke Sunway International School. Pegawai Memerintah bersama delegasi termasuk Juragan kapal Chief Petty Officer 1st Class Sue Frisby telah berkongsi pengalaman bersama lebih kurang 500 pelajar tentang bekerja di dalam bidang yang didominasi lelaki.

“Lawatan HMCS Winnipeg ini menyokong usaha Kanada dalam hubungan diplomatik dan pertahanan di rantau Indo-Pasifik serta menonjolkan hubungan persahabatan yang berpanjangan antara Kanada dan Malaysia,” kata Pesuruhjaya Tinggi Kanada, Wayne Robson ketika sidang media sebelum kapal bertolak dari Pelabuhan Klang.

“Sebagai kapal TLDK yang pertama melawat Malaysia sejak 2017, kami amat menghargai sokongan yang diberikan Tentera Laut Diraja Malaysia dan gembira kerana tahun ini adalah ulang tahun ke-65 hubungan diplomatik antara Kanada dan Malaysia.

“Ini adalah persinggahan kami yang ketiga dalam Operasi PROJECTION 2022 dan anak-anak kapal telah menjadi sukarelawan di sebuah sekolah tempatan dan menyertai aktiviti jiwa murni di Pusat Komuniti Mah Meri. Mereka juga berkesempatan melawat dan menikmati makanan tempatan serta menerima layanan yang baik,” kata Commander Annick Fortin.

“Kami sentiasa berpegang kepada cogan kata kapal iaitu “One with the strength of many” yang menunjukkan kesediaan HMCS Winnipeg untuk mendukung komitmen Kanada ke arah keamanan dan keselamatan global, dan mengukuhkan hubungan dengan sekutu dan rakan kongsi Kanada,” tambahnya lagi.

Artikel : Lt Norzuhaira Ruhanie PSSTLDM

Foto : TLDM dan HMCS Winnipeg

LAWATAN PANGLIMA TENTERA LAUT REPUBLIK SINGAPURA PERKUKUH HUBUNGAN TLDM-TLRS



KUALA LUMPUR, 27 Mei - Rear Admiral Aaron Beng, Panglima Tentera Laut Singapura (TLRS) yang dalam rangka lawatan kerja ke Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas rakan sejawatnya, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany di Markas Tentera Laut.

Ketibaan beliau di Wisma Pertahanan disambut Tan Sri Mohd Reza dan dimulakan dengan pemeriksaan Kawalan Kehormatan Utama.

Seterusnya, beliau mengadakan kunjungan hormat ke atas Tan Sri Mohd Reza dan Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz.

Kedua-dua pemimpin angkatan laut itu berkesempatan berbincang demi mengukuhkan lagi hubungan diplomasi pertahanan yang sudah terjalin sekian lama antara TLDM dan TLRS.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

MAJLIS ANGKAT SUMPAH PEGAWAI & PERAJURIT MUDA PSSTLDM SERTA PLAS TLDM SIRI 1-22



KUCHING, 11 Sep – Majlis Angkat Sumpah Pegawai Kadet & Perajurit Muda PSSTLDM serta PLASTLDM Politeknik Kuching Sarawak telah dilaksanakan dengan jayanya hari ini. Majlis berlangsung di hadapan Pegawai Memerintah PSTL Kuching, Lt Mohd Ismail Bin Yakub TLDM, Pegawai Laksana PSTL Kuching, Lt Kdr Kenny Wong Toh Wee PSSTLDM dan seluruh warga The Navy People Kuching.

Acara diketuai oleh Pegawai Kadet Mohamed Iderus Bin Jobeli, melibatkan 7 orang Pegawai Kadet, 29 orang Perajurit Muda PSSTLDM dan 10 orang Perajurit Muda PLASTLDM dari Politeknik Kuching Sarawak telah mengangkat sumpah serta melafazkan Ikrar Taat Setia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Memetik ucapan yang telah disampaikan, Pegawai Memerintah mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Pegawai Kadet dan Perajurit Muda PSSTLDM serta PLASTLDM yang telah berjaya menjalani proses pemilihan yang telah diadakan sebelum ini.

Beliau juga menyeru supaya seluruh warga *The Navy People* Kuching dapat bekerjasama dalam satu pasukan terutama sekali kepada pegawai dan anggota yang baru, bagi memastikan pasukan serta perkhidmatan mencapai matlamat seperti yang ditetapkan.

Pegawai Memerintah juga mengingatkan supaya setiap sumpah dan ikrar yang dilafazkan dihayati dan diterap dalam diri masing-masing bagi membentuk *Navy People* yang disegani.

Di akhir ucapan, kepimpinan PSTL Kuching berharap setiap warga terus memberi komitmen tinggi terhadap unit, memenuhi segala keperluan latihan dan laluan kerjaya yang telah di rancang oleh Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM dalammempertingkatkan keupayaan setiap warga.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : LT M Syful Mirza bin Alluwie PSSTLDM

Foto : LK PNK Ajariah binti Umar

MAJLIS BACAAN YASSIN DAN TAHLIL SEMPERNA HARI ULANG TAHUN ANGKATAN KAPAL SELAM (AKAS) KE-13



KOTA KINABALU, 3 Jan – Majlis bacaan Yassin dan Tahليل telah diadakan di Auditorium Markas Pemerintahan Kapal Selam (MPKS) sempena Hari Ulang Tahun AKAS ke - 13. Majlis dimulakan dengan ucapan oleh Yang Berbahagia Laksamana Pertama Mohd Razib bin Tahir Panglima Angkatan Kapal Selam (PAKS) seterusnya bacaan Yassin dan Tahليل bersama warga AKAS TLDM dan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet bersesuaian dengan SOP Covid -19. Majlis tersebut dipimpin oleh Pegawai Agama Pangkalan TLDM Kota Kinabalu Mejar Mad Zakuan bin Burhan.

Majlis ini dilaksanakan bagi mensyukuri nikmat serta memohon keberkatan dan kesejahteraan seluruh warga AKAS TLDM yang berkhidmat dibawah naungan MPKS daripada ALLAH S.W.T.

Sempena majlis ini juga PAKS turut melancarkan kempen “Jom Solat Berjemaah” bagi memupuk budaya mengimarahkan masjid di kalangan warga AKAS TLDM. Warga AKAS TLDM digalakan untuk menunaikan solat secara berjemaah di masjid atau pun surau di kariah masing-masing sekurang kurangnya sekali sehari. Kempen seumpama ini diharapkan dapat meningkatkan lagi aspek Spritual Combat Power di kalangan warga AKAS TLDM.

Sumber : Pejabat Pejabat Perhubungan Awam (N7) MPKS

MAJLIS GRADUASI KUMPULAN MSU COLLEGE KE-24



Syabas. LK PWP Rohana binti Sudin dianugerahkan Pelajar Terbaik TLDM

SHAH ALAM, 13 Mac - Majlis Graduasi Kumpulan MSU College Ke-24 telah berlangsung di Dewan Canselor *Management Science University* (MSU) Sham Alam yang melibatkan seramai 2,014 graduan daripada 24 program pengajian.

Seramai 54 warga TLDM berkepakaran Petugas Wisma Pegawai (PWP) yang terdiri daripada 34 orang anggota Siri 5 dan 20 anggota siri 6 Program Diploma Pengurusan Hotel telah menamatkan pengajian mereka dan menerima *scroll* masing-masing.

Satu kebanggaan apabila anggota pewiga Markas Pasukan Khas Laut, LK PWP Rohana binti Sudin telah dianugerahkan Pelajar Terbaik TLDM bagi Diploma Pengurusan Hotel dengan pencapaian CGPA 3.80.

Turut hadir dalam meraikan majlis graduasi ini wakil dari Markas Tentera Laut, Kept Ismail bin Othman TLDM, Pengarah Pembangunan Sumber Manusia, Kept Zaharrudin bin Mohamed Yusop TLDM, Pengarah Pembangunan Materiel dan Kept Mahadzir bin Mokhtar TLDM, Pegawai Memerintah KD PELANDOK.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

MAJLIS PENUTUP PATKOR MALINDO 156-22 DI MAWILLA 3

LANGKAWI, 4 Jul – Upacara Penutup Op PATKOR MALINDO 156/22 telah disempurnakan oleh Kepten Erman Shahril bin Adlan TLDM, Ketua Staf MAWILLA 3 di Dewan Tun Rahah, Markas Wilayah Laut 3, Langkawi pada 29 Jun 22. Turut hadir semasa upacara tersebut adalah Kolonel Laut (P) Mochamad Andri Wahyu Sudrajat, Atase Laut Republik Indonesia, Letnan Kolonel Laut (P) Bambang Rudi Raharjo, Paban Ops Gugus Keamanan Laut (GUSKAMLA) serta Komander Segar Muniandy TLDM, Ketua Pegawai Staf Operasi MPA Barat merangkap Ketua Gugus Tugas.

Op PATKOR MALINDO 156/22 ini telah berlangsung dari 16 hingga 29 Jun 22 di perairan Selat Melaka yang melibatkan aset Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) iaitu KD LAKSAMANA HANG NADIM dan KD KINABALU bersama aset Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut (TNI-AL) iaitu KRI BUBARA dan KRI LEPU. Ianya bertujuan bagi memupuk kesepaduan dan kesefahaman bersama mengenai kepentingan pemeliharaan tahap keselamatan perairan Selat Melaka disamping mengukuhkan keyakinan komuniti maritim.

Op PATKOR MALINDO 156/22 pada kali ini memperlihatkan komitmen jitu yang telah dipamerkan oleh kedua-dua angkatan tentera laut. Acara penutup ini juga turut melibatkan beberapa aktiviti lain iaitu Kunjungan Hormat ke atas Ketua Staf MAWILLA 3 oleh wakil TNI AL, Perbincangan Pegawai Operasi dari kedua-dua negara, acara sukan persahabatan dan diakhiri dengan Majlis Malam Mesra.

Adalah diharapkan peluang untuk beroperasi bersama angkatan tentera laut sahabat seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memastikan hubungan yang telah sedia terjalin terus diperkukuhkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS PEGAWAI KANAN SKUADRON KORVET KE-24 DAN PEGAWAI MEMERINTAH KAPAL SKUADRON KORVET KE-24



Penyerahan Boya Pegawai Kanan Skuadron Korvet Ke-24

Lumut, 25 Jan – Majlis serah terima tugas Pegawai Kanan Skuadron Korvet Ke-24 dan Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Kapal Skuadron Korvet Ke-24 telah diadakan di Jeti Operasi Pangkalan TLDM Lumut. Majlis tersebut disaksikan oleh Panglima Armada Barat, YBhg Laksamana Madya Datuk Abu Bakar bin Md Ajis.

Majlis tersebut menyaksikan penyerahan tugas secara rasmi keempat-empat Pegawai Memerintah Kapal Skuadron Korvet Ke-24 buat julung kalinya diadakan secara serentak iaitu Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA HANG NADIM Leftenan Komander Zulkhairi bin Mohamad TLDM kepada Komander Muhammad Shahir bin Salleh TLDM, Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL, Komander Segar a/l Muniandy TLDM kepada Komander Megat Mohamad Sofwan Firdaus bin Megat Muhamad Yunus TLDM, Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN, Komander Muhammad Shahir bin Salleh TLDM kepada Leftenan Komander Mohd Lokman bin Bajuri TLDM dan Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA TAN PUSMAH, Komander Ahmad Hakim bin Mohamad Arif TLDM kepada Leftenan Komander Muhammad Faiz bin Mohamed Zanila TLDM.

Di samping itu, turut dilaksanakan adalah Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Kanan Skuadron Korvet Ke-24 diantara Komander Segar a/l Muniandy TLDM, Mantan

Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL dan Komander Muhammad Shahir bin Salleh TLDM, Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA HANG NADIM.

SKK-24 terdiri daripada empat buah kapal Kelas Laksamana yang mula dibina bermula tahun 1981 di La Spezia, Itali. Kapal seterusnya telah dibeli dan ditauliahkan di dalam perkhidmatan TLDM pada tahun Jul 1997 dan Jul 1999. Kapal-kapal kelas Laksamana dinamakan sempena laksamana-laksamana tersohor kerajaan melayu.

Artikel : Pegawai Perhubungan Raya KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL

Foto : Jurugambar Bahagian Komunikasi Strategik MPAB

MARKAS PEMERINTAHAN ARMADA BARAT UNGGULI PENTAS TILAWAH AL QURAN PERINGKAT TLDM 2022



LUMUT, 20 Sep – Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat TLDM 1444H/2022M pada kali ini telah dianjurkan oleh Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM (MPPL TLDM) dengan dikoordinasikan bersama unit di Pangkalan TLDM Lumut. Majlis ini telah dilaksanakan di Auditorium M. Sidek Shabudin KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut, Perak.

Majlis pada kali ini bertemakan “Manhaj Rabbani TLDM Berkualiti” yang disertai oleh 19 orang peserta yang mewakili kategori Pegawai, Qari dan Qariah dari Markas Tentera Laut (MkTL), Markas Pemerintahan Armada Barat (MPA Barat), Markas Pemerintahan Armada Timur (MPA Timur), Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM (MPPL TLDM) dan Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM (Mk SIMPANAN).

Pelaksanaan majlis ini bertujuan untuk mendekati dan memahami Al-Quran di kalangan Navy People, ia juga merupakan manifestasi usaha yang berterusan bagi memartabatkan islam sebagai cara hidup yang tetap relevan dalam arus kehidupan masa kini.

Pemarkahan pertandingan diambil kira melalui bacaan Tajwid, Lagu, Fasohah dan Suara para peserta. Barisan hakim pula terdiri daripada Ustaz Mohd Ramadan bin Haji Razali, Ustaz Alang Hashim bin Ab. Wahid dan Ustaz Hj Abdul Aziz bin Hj Ahmad.

Ternyata penyertaan pada kali ini mendapat sambutan yang menggalakkan malah peserta memberi komitmen yang tinggi bagi memperolehi gelaran johan.

Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany telah menyempurnakan majlis penutup dengan menyampaikan hadiah kepada johan Qari dan Qariah. Turut hadir adalah Panglima Armada Barat, YBhg Laksamana Madya Abu Bakar bin Md Ajis, Orang Besar Jajahan Manjung, YDH Toh Seri Bijaya Leftenan Kolonel Dato' Shahaudin bin Haji Nazari serta barisan JLAKS dan warga *Navy People*.

Berikut senarai pemenang bagi setiap kategori yang dipertandingkan:

Johan Keseluruhan:

Markas Pemerintahan Armada Barat (MPA Barat)

Kategori Pegawai:

Johan : Lt Muhammad Zulkiffly bin Wan Him TLDM (MPA BARAT)
Naib Johan : Lt Muhammad Hafidz bin Abdul Halim TLDM (MPA TIMUR)
Ketiga : Lt Kdr Mohd Thahar bin Mohd Arifin TLDM (MPPL TLDM)

Kategori Qari:

Johan : LK II BDI Muhammad Nor Akmal bin Ahmad Jamil (MPA TIMUR)
Naib Johan : BK PGM Adizul Azle bin Jamil(MPA BARAT)
Ketiga : LK I TNL Mohd Solihlee bin Suhaimi (MPPL TLDM)

Kategori Qariah:

Johan : Puan Rozaihan binti Razali (MTL)
Naib Johan : P/BK TNL Norzaiyana binti Kamaludin (MPA TIMUR)
Ketiga : BK PNK Noor Elyda binti Ngah (MPA BARAT)

Kategori Qari Saudara Muslim:

Johan : BK PGM Muhammad Amin bin Abdullah (MPA BARAT)
Naib Johan : BK TLR Fernandy Ten (MPPL TLDM)

Kategori Qariah Saudara Muslim:

Johan : LK I PWP Nur Jannatul Aaira (MPA BARAT)
Naib Johan : LK TNL Nor Jessica Khalisa Mathew binti Abdullah (MPPL TLDM)

Artikel : Lt Kdr Mohd Zulfadli bin Abd Manas TLDM

Foto : BM PBS Mohd Dzulhelmi bin Abu Bakar

MEMBELAH OBAK, MENGEJAR IMPIAN

LK I TLS Logindaran (kiri) dan LK II PRL Muhammad Hadrie

Peluang untuk belayar jauh ke luar negara adalah sesuatu yang pastinya diimpikan oleh para pelaut dan tidak terkecuali juga kepada warga Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Bagi 132 warga kapal KD LEKIR yang akan menyertai eksesais Rim of the Pacific(RIMPAC) di Hawaii, Amerika Syarikat, pelayaran yang memakan masa lebih tiga bulan ini adalah pengalaman yang tidak dapat dibeli dengan wang ringgit.

Antara mereka adalah Laskar Kelas II PRL Muhammad Hadrie bin Asrolsani dan Laskar Kelas I TLS Logindaran a/l Parasuraman, yang merupakan warga termuda KD LEKIR. LK II Muhammad Hadrie mula berkhidmat di kapal jenis korvet ini sejak 26 Julai 2021 ketika menjalani Latihan Sambil Kerja (LSK) dan kemudian diperjawatkan sebagai Pembantu Juragan pada awal April tahun ini. Anak kelahiran Jitra, Kedah ini berasa teruja apabila KD LEKIR dipilih sebagai wakil TLDM ke eksesais RIMPAC 2022 dan berhasrat untuk melihat dan mengenali aset negara-negara lain yang turut sama menyertai eksesais maritim terbesar dunia tersebut. “Selama ini, saya hanya dapat melihat aset negara lain di televisyen dan laman web sahaja tetapi tidak lama lagi saya akan dapat melihatnya secara langsung depan mata saya sendiri.

“Penugasan yang panjang seperti ini memerlukan kekuatan mental dan fizikal kerana terpaksa berjauhan dengan keluarga,” jelas LK II Muhammad Hadrie. LK I Logindaran juga

gembira menjadi salah seorang kru KD LEKIR untuk pelayaran ini, yang juga kali pertama beliau belayar ke luar negara sebagai warga TLDM. Teknisyen elektrik berusia 23 tahun ini mula bertugas di KD LEKIR sejak 13 Disember 2021 di jabatan Elektrik dan Senjata.

Penyertaan KD LEKIR di RIMPAC 2022 akan menyaksikan kapal melaksanakan latihan penembakan misil dan LK I Logindaran adalah seorang kru yang menjaga peralatan berkaitan agar latihan tersebut dapat berjalan dengan lancar.

“Sebagai staf elektrik, saya mempunyai tanggungjawab untuk menjaga peralatan di kapal agar berada dalam keadaan yang baik,” katanya. Dengan perjalanan ke Hawaii berbaki dua minggu lagi, kedua-dua pelayar muda ini sudah menyesuaikan diri dengan keadaan kapal membelah ombak untuk sampai ke destinasi. Walaupun sibuk dengan tugas di jabatan masing-masing, mereka sentiasa mengingati keluarga tercinta di tanahair. “Sepanjang bertugas di KD LEKIR saya jarang dapat menyertai aktiviti bersama keluarga tetapi itulah cabaran sebagai seorang warga TLDM demi menjaga keselamatan perairan negara kita,” ujar LK I Logindaran.

Artikel : Lt Norzuhaira binti Ruhanie PSSTLDM

Foto : BM KOM Thasaratan a/l Veeramuthu

MULTINATIONAL GROUP SAIL SHIPS WORKING TOGETHER IN THE PACIFIC OCEAN



KD LEKIR is representing Malaysia at RIMPAC 2022 exercise after KD LEKIU took part in the 2018 edition.

On 18 June 2022, Royal Malaysian Navy's KD LEKIR had successfully conducted a series of exercise with ships from Indonesia, Singapore and India in the Pacific Ocean. The first exercise was a Division Tactic (DIVTAC) Manoeuvring conducted in the morning, followed by a Photo Exercise (PHOTOEX) in the afternoon.

The series of exercises was part of training during the Multinational Group Sail en route to Hawaii, United States of America. The ships will be participating in the Rim of the Pacific (RIMPAC) 2022 exercise commencing later this month and training together will help to maintain ship crew's readiness in preparation for the sea phase of the multilateral maritime exercise.

The DIVTAC Manoeuvring challenges a ship's bridge team, headed by the Officer of the Watch (OOW), to coordinate movements with other ships. It also shows well he can work with his team to execute a multi-ship formation.

KD LEKIR executed four formations with INS SATPURA of Indian Navy and Republic of Indonesian Navy's KRI I GUSTI NGURAH RAI during the DIVTAC Manoeuvring exercise which lasted some three hours. The three ships later met with RSS INTREPID of the Republic of Singapore Navy for the PHOTOEX.

KD Lekir's Lt Cdr Muhammad Firdaus bin Mohd Zulhairi RMN led the bridge team during the DIVTAC Manoeuvre as OOW, with ship captain Cdr Mohd Asri bin Dasman RMN guiding his charges when needed. Communication staff manning the radio and on the flag deck were also part of the crew busy at work during the training.

During the PHOTOEX, INS Satpura flew her aircraft to capture visuals of the ships in various formations before each detached from the group and followed their own route to Hawaii.

The elements are key factors during a maritime exercise and mother nature cooperated with sunny weather and the sea state relatively calmer, which made for a smooth execution of today's serials.

"What an excellent exercise this has been for us all. Not only does it prepare us better for RIMPAC, but also brings us even closer together as friends," said Commanding Officer Cdr Mohd Asri.

"I hope to be able to do even more together in the future," he added.

Article : Lt Norzuhaira binti Ruhanie PSSTLDM

NAVY PEOPLE MERIAHKAN PERBARISAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-65



Segak Melangkah Gagah. Komander Shahruzikri mengetuai Kontijen Tentera Laut Diraja Malaysia

KUALA LUMPUR, 31 Ogos - Setelah 2 tahun tidak diadakan, sambutan Hari Kebangsaan 2022 disambut meriah bersama rakyat Malaysia di Dataran Merdeka pagi tadi.

Dengan bertemakan 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' semangat perpaduan rakyat dapat dilihat di mana seawal pagi warga Malaysia mula memenuhi Dataran Merdeka bagi memberi sokongan kepada semua yang terlibat dengan perbarisan.

Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayub dan Isteri, Datin Dr. Norinah binti Mustapha turut hadir bagi memeriahkan lagi sambutan Hari kebangsaan 2022 serta memberi sokongan kepada warga Navy People yang terlibat.

Pasukan Pancaragam Pusat TLDM dengan kekuatan seramai 60 anggota mendahului perbarisan kontinjen dan diketuai oleh Leftenan Komander Mohd Shamram bin Ramli TLDM serta dibantu oleh PW I PGM Lewan Lezanie bin Johari. Manakala Drum Major adalah PW I PGM Azumie bin Abd Jalil. Kontinjen perbarisan Tentera Laut Diraja Malaysia pula dengan kekuatan 367 anggota adalah terdiri daripada 4 Pegawai dan 363 anggota Lain-lain Pangkat gabungan dari Pangkalan TLDM Lumut dan Markas Wilayah Laut 1, Pangkalan TLDM Kuantan.

Perbarisan kali ini turut melibatkan aset, Rigid Hull Inflatable Boat (RHIB) yang digunakan oleh PASKAL dan kenderaan pembawa misil, torpedo dan periuk api yang digunakan oleh kapal-kapal TLDM. Antara misil yang dipamerkan adalah Misil Exocet MM40, Misil Exocet SM39, Torpedo Light Weight A244S dan Periuk Api MR40.

Selain itu, peralatan yang turut dibawa adalah Recompression Chamber yang digunakan untuk rawatan sekiranya penyelam mengalami Penyakit Menyelam dan Mine Disposal Vehicle yang digunakan untuk mencari dan memusnahkan periuk api dasar laut.

Kontinjen TLDM turut dimeriahkan dengan penampilan khas pelakon-pelakon PASKAL THE MOVIE, Amar Alfian (Jep), Taufiq Hanafi (Ustaz) dan Hafizul Kamal (Yan).

Dengan penampilan dan konsep perarakan yang ditonjolkan TLDM yang terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum dan agama melambangkan perpaduan negara “Keluarga Malaysia Teguh Bersama”.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut
Artikel : LK PRL Mohd Faisa bin Mamat
Foto : LK PWP Muhamad Zul Akmal bin Ahmad
LK TNL Mohd Radhi bin Awang

PANGLIMA TENTERA LAUT RAI BAKAL JEMAAH HAJI TLDM

KUALA LUMPUR, 23 Jun – Majlis Meraikan Bakal Haji TLDM 1443H/2022M telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany di KD SRI GOMBAK hari ini.

Turut hadir di majlis tersebut adalah Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob dan ahli JLAKS sekitar Lembah Klang.

Seramai 23 pasangan dari perkhidmatan TLDM telah terpilih untuk menunaikan ibadah haji pada tahun ini iaitu 15 pasangan yang terpilih adalah melalui Pakej Haji Furada ATM manakala 8 lagi pasangan melalui pakej Muassasah Tabung Haji.

Komander Martini binti Mansor TLDM, Pegawai Staf 1 Kewangan, Markas Tentera Laut berkata, beliau telah memohon untuk menunaikan ibadah haji pada tahun 2019 dan berasa sangat bersyukur kerana dapat menunaikan ibadah pada tahun ini.

“Saya berterima kasih kepada ATM kerana membuka pakej Furada ini dan berharap ia dapat diambil peluang oleh rakan TLDM yang lain juga”, tambah beliau.

“Alhamdulillah kerana saya diberi peluang menjadi tetamu Allah dengan melaksanakan Ibadah Haji pada tahun ini.

“Saya mendoakan saudara dan saudari muslim yang masih belum menerima jawapan permohonan agar dapat menerima jemputan sebagai tetamu Allah dalam masa terdekat.

“Ribuan terima kasih kepada ATM dan TLDM atas peluang yang saya dapat melalui pakej Furada ini untuk menunaikan Haji di tanah suci,” kata Kepten Ananthan bin Tharmalingam TLDM, Ketua Staf, Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan.

Panglima Angkatan Kapal Selam, Laksamana Pertama Mohd Razib bin Tahir berkata, beliau mewakili bakal haji tim TLDM menzahirkan rasa bersyukur atas peluang yang telah diberikan oleh perkhidmatan.

“Majlis yang diadakan ini membuktikan pengurusan tertinggi TLDM sentiasa prihatin dan memberi sokongan kepada warganya untuk melaksanakan Ibadah Haji sebagai rukun Islam kelima.

“Saya amat berterima kasih kepada pengurusan tertinggi TLDM kerana meraikan kami dengan majlis seumpama ini,” katanya dengan terharu.

PEGAWAI WANITA PERTAMA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DINAIKKAN PANGKAT LAKSAMANA MUDA



KOTA KINABALU, 1 Jul - Sejarah tercipta buat Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) khususnya kepada warga wanita TLDM dengan terlaksananya Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TLDM melibatkan Laksamana Pertama Rohana binti Jupri yang dinaikkan ke pangkat Laksamana Muda berkuatkuasa 1 Julai 2022. Ia sekali lagi menjadikan beliau pegawai wanita TLDM pertama yang dinaikkan ke pangkat Laksamana Muda.

Majlis pemakaian pangkat ini telah disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany.

Pemakaian pangkat Laksamana Muda Rohana binti Jupri yang kini memegang jawatan sebagai Asisten Ketua Staf Materiel di Markas Tentera Laut telah meletakkan beliau di barisan hadapan dalam kepimpinan Jawatankuasa Laksamana (JLAKS) yang telah dianggotainya sejak 18 Disember 2020.

Sebelum ini beliau merupakan pegawai wanita pertama TLDM yang dinaikkan ke pangkat Kepten TLDM (27 September 2017) dan Laksamana Pertama (18 Disember 2020). Kenaikan pangkat ini membuktikan kemampuan dan kredibiliti warga wanita TLDM diiktiraf oleh pengurusan tertinggi. Ianya juga sebagai tanda penghargaan TLDM terhadap usaha dan kemampuan yang ditunjukkan oleh beliau sekali gus

memberi tanggungjawab untuk melaksanakan amanah dengan penuh dedikasi dan cemerlang.

Peranan warga wanita TLDM kini semakin diketengahkan dan penyertaan wanita dalam TLDM juga telah meliputi semua kepakaran utama yang ada dalam TLDM iaitu Eksekutif, Bekalan dan Kejuruteraan. Ruang dan peluang sentiasa diberikan kepada warga wanita TLDM untuk memegang jawatan-jawatan utama, sama pentingnya dengan warga TLDM yang lain.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI KANAN TLDM DAN PEGAWAI PSSTLDM



KUALA LUMPUR, 1 Nov - Bulan November telah membuka tirai dengan satu majlis pemakaian pangkat bagi Pegawai Kanan TLDM dan Pegawai PSSTLDM sekitar Lembah Klang di KD SRI GOMBAK.

Majlis disempurnakan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany yang menyaksikan Kepten Mohd Norizal bin Fahrudin TLDM dan Kepten Ts. Dr. Shaftdean Lufy bin Rusland TLDM telah dinaikkan pangkat ke Laksamana Pertama.

Senarai pegawai lain yang dinaikkan pangkat adalah seperti berikut:

1. Komander Razimi bin Mohd Damri TLDM
2. Komander Mohd Faizul bin Yaacob TLDM
3. Komander Ts. Muhammad Faliq Anwar bin Muhammad Fauzi TLDM
4. Leftenan Nur Amirah binti Azahari PSSTLDM
5. Leftenan Madya Mohd. Syahiddin bin Hussin PSSTLDM
6. Leftenan Madya Nur Juneda binti Jaffre PSSTLDM
7. Leftenan Madya Nur Amira binti Joned @ Mohamad Jone PSSTLDM
8. Leftenan Madya Ahmad Anas Ezzat bin Muhamad PSSTLDM

Turut hadir Asisten Ketua Staf Sumber Manusia Laksamana Muda Dato' Pahlawan Hj Muhammad Ruzelme bin Hj Ahmad Fahimy, ahli Jawatankuasa Laksamana dan warga #NavyPeople sekitar Lembah Klang.

“Lead by example and not by lip service.”

PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI TLDM DAN PSSTLDM DAN PEMAKAIAN PANGKAT LENCANA KEPAKARAN



Bergambar kenangan - Panglima Tentera Laut bersama Navy People yang diraikan

KUALA LUMPUR, 11 Feb - Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany telah menyempurnakan pemakaian pangkat pegawai TLDM dan PSSTLDM di Markas Tentera Laut hari ini.

Leftenan Komander Cheng Liang Tsai TLDM telah dinaikkan pangkat ke Komander TLDM manakala Leftenan Madya Nurhidayah binti Mazlan PSSTLDM telah dinaikkan pangkat ke Leftenan PSSTLDM.

Kdr Cheng bertugas di Bahagian Inspektorat Jeneral Markas Tentera Laut manakala Lt Nurhidayah adalah pegawai di Jabatan Sejarah Maritim, Pusat Strategi Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM.

Turut hadir Inspektorat Jeneral TLDM, Laksamana Muda Chan Peng Cheong dan Ketua Pengarah PUSMAS TLDM, Kepten Ivan Mario Andrew TLDM.

Dalam majlis yang sama, Tan Sri Mohd Reza turut menyempurnakan pemakaian lencana Teknologi Profesional (*Professional Technologists - Ts.*) dan Juruteknik Bertauliah (*Certified Technicians - Tc.*) kepada tiga pegawai kanan dan seorang anggota.

Kepten Dr. Shaftdean Lufy bin Rusland TLDM, Kept Ts. Dr. Hisyam bin Harun TLDM dan Kept Ts. Mohd Nazree bin Hj Mhd Noor TLDM telah menerima lencana Ts. dan PW I TLR Tc. Muhamad Razid bin Rosman telah menerima lencana Tc.

Lencana tersebut menzahirkan pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Lembaga Teknologis Malaysia (*Malaysia Board of Technologists - MBOT*) kepada keempat-empat warga #NavyPeople tersebut.

Artikel : Lt Norzuhaira binti Ruhanie PSSTLDM

Foto : LK PRL Mohd Faisa bin Mamat

PEMERKASAAN ILMU PENDIDIKAN DAN LATIHAN BERTERUSAN MELALUI JALINAN KERJASAMA STRATEGIK TLDM DAN UMT



KUALA LUMPUR, 17 Jun - Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany telah menyempurnakan Upacara Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) TLDM dan UMT iaitu di antara beliau dan Naib Canselor UMT, Kepten (Kehormat) Prof Dato' Dr Mazlan bin Abd Ghaffar PSSTLDM.

Ini merupakan MOU kedua selepas MOU pertama telah tamat tempoh pada 21 Oktober 2020.

Sebelum, upacara MOU berlangsung, majlis telah dimulai dengan Pemakaian Pangkat Kepten (Kehormat) Prof Dato' Dr Mazlan bin Abd Ghaffar PSSTLDM, Naib Canselor UMT. Kedua-dua majlis ini telah dilaksanakan secara serentak sebagai simbolik penghargaan oleh Pengurusan Tertinggi TLDM kepada UMT lanjutan daripada kerjasama yang erat di antara kedua-dua organisasi yang telah lama terjalin.

Kerjasama UMT dan TLDM telah bermula sejak tahun 2003 apabila Cawangan Hidrografi TLDM mula menghantar pegawainya untuk mengikuti Kursus Intensif Oseanografi dan Kursus Lanjutan yang masing-masing diadakan selama sebulan dengan kehadiran 10 pegawai TLDM.

Sepanjang tempoh pengajian itu, kursus-kursus tersebut telah dikendalikan oleh Institut Oseanografi (INOS) dan UMT pada ketika itu dikenali sebagai Kolej Universiti

Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). MOU ini bertujuan bagi menjalinkan kerjasama strategik atau *Smart Partnership* yang bersifat menyeluruh dan merangkumi skop pembangunan hal-hal penyelidikan, penyediaan latihan serta kursus yang sesuai dengan bidang pertahanan maritim negara.

Selain itu, pembangunan kokurikulum pelajar seperti pemeraksanaan unit PALAPES TLDM di UMT turut difokuskan di dalam MOU yang baharu ditandatangani ini.

“Terima kasih diucapkan kepada Panglima Tentera Laut kerana menyempurnakan pemakaian pangkat Kepten Kehormat kepada saya pada pagi ini. Dengan termeterainya MOU ini, ia menguatkan lagi kerjasama yang sudah sekian lama terjalin antara TLDM dan UMT serta sekaligus memberi peluang kepada warga TLDM untuk menimba ilmu di UMT.”

“Saya juga berharap aktiviti PALAPES Laut dapat dilaksanakan secara berterusan setelah ianya terhenti disebabkan pandemik COVID-19 sebelum ini. Aktiviti ini perlu diteruskan dengan memberi pendedahan kepada PALAPES Laut membuat latihan menggunakan aset TLDM sama ada yang berada di Pangkalan TLDM Lumut mahupun di Pangkalan TLDM Kuantan sebagai pendedahan awal sebelum mereka menyertai TLDM,” kata Kepten (Kehormat) Prof Dato’ Dr Mazlan bin Abd Ghaffar PSSTLDM.

Sumber: Cawangan Pembangunan Sumber Manusia, Markas Tentera Laut

PEMILIKAN BERSILANG DAN RISIKO KEGAGALAN BERSILANG DI DALAM PELABURAN



Baru-baru ini dunia perniagaan dikejutkan dengan kegagalan Genting Hong Kong (GHK) di dalam perniagaan pelayaran kapal penumpang mewah (cruise passengers liner), rentetan dari kesan pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan pendapatan syarikat. Impak dari kegagalan tersebut telah memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada beberapa industri berkaitan sehingga menjadi berita utama dunia perniagaan dan perbankan.

Artikel ringkas ini tidak berhasrat menghuraikan dengan terperinci implikasi kegagalan GHK, sebaliknya mengfokuskan kepada pengajaran (lesson learnt) daripada kejadian ini dalam pespektif pelaburan. Ini kerana walaupun GHK mengalami kegagalan, namun buat masa ini ianya tidak memberi kesan secara terus kepada kumpulan Genting seperti Genting Berhad, Genting Malaysia dan Genting Singapore Limited. Justeru, apakah rahsia kelalaian bersilang (Cross-Default) tidak berlaku di Kumpulan Genting?

Di dalam pelaburan samada dalam negara mahu pun luar negara, pelaburan yang melibatkan pemilikan saham secara bersilang di antara pemilik saham (pelabur) di dalam beberapa syarikat yang berhubung kait secara co-ownership/co-sharing dalam bentuk pelaburan kerap wujud, khususnya apabila melaksanakan keberbagaian portfolio pelaburan atas justifikasi memperluaskan pelaburan (diversify the investment). Justifikasi ini adalah bagi mengurangkan risiko kegagalan jika hanya menumpu kepada sesuatu sektor industri sahaja. Pandangan ini mempunyai dua aliran sekolah yang berbeza. Bagi Ketua Pegawai Eksekutif yang berpendirian bahawa bagi mendapatkan pelaburan balik (ROI) secara cepat, cross-investment di entiti/perniagaan yang menghasilkan pendapatan serta keuntungan lumayan mampu memberi keuntungan kepada syarikat dalam tempoh yang singkat. Namun, langkah

ini adalah berisiko amat tinggi dan jarang dilaksanakan untuk tempoh yang lama. Bagi sekolah aliran yang lain, pelaburan secara cross-investment adalah berisiko tinggi dan tidak diamalkan. Ini kerana implikasi cross-default adalah besar jika salah satu entiti yang dilabur bermasalah, di mana boleh menjejaskan pelabur sehingga tengelam bersama (drag to sink together). Disebabkan risiko keadaan ini, pada tahun 2016 Genting Malaysia telah melepaskan pelaburan mereka di industri ini, iaitu langkah bijak yang telah menyelamatkan mereka.

Scenario pelaburan bersilang di industri di Malaysia adalah tidak terkecuali. Namun situasi yang berlaku di Genting Hong Kong telah membuka mata ramai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat utama serta lembaga pengarah syarikat berkaitan untuk menilai semula risiko cross-investment, jika dilaksanakan oleh mereka. Namun usaha untuk break-away dari elemen cross-investment bukan suatu jalan yang mudah. Ini disebabkan pelabur perlu mempunyai kecairan tunai atau kedudukan kewangan yang kukuh untuk melepaskan mereka dari lingkaran risiko.

Berdasarkan pencerahan ringkas berkaitan cross-investment serta implikasinya, ianya boleh dijadikan ilmu/pengajaran untuk mereka yang berminat di dalam dunia perniagaan mahu pun pelaburan di masa akan datang, khususnya kepada warga Navy People.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artike : Laksda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : <https://corporatefinanceinstitute.com>

PERANG PANGKOR SIRI 1-22 PEMBUKA TIRAI LATIHAN KESIAGAAN ARMADA BARAT



Petugas anjungan KD JEBAT memerhatikan kedudukan KD GEMPITA

LUMUT, 7 Jan - Markas Pemerintahan Armada Barat (MPAB) meneruskan kesinambungan latihan kesiagaan yang dilaksanakan secara berkala menerusi Latihan Perang Pangkor siri 1/22 yang telah direalisasikan di sekitar perairan Selat Melaka. Latihan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan bertujuan untuk menguji serta menilai tahap kesiagaan dan keupayaan armada serta warganya dalam melaksanakan tugas teras di lapangan.

Latihan Perang Pangkor siri 1/22 pada kali ini telah disertai dan dijayakan oleh beberapa aset TLDM iaitu KD JEBAT dan KD GEMPITA serta disokong oleh *Fast Combat Boat* TLDM. Pelbagai siri latihan telah berjaya diterjemahkan sepanjang latihan berlangsung meliputi aspek latihan Navigasi, Komunikasi, Ilmu Kelautan dan Peperangan. Sebagai nilai tambah, latihan Mengawal Kebanjiran dan Melawan Api (MKMA) juga turut dilaksanakan bagi menguji tahap ketersediaan warga kapal dalam menghadapi sebarang kemungkinan luar jangka dalam situasi sebenar di lapangan.

Latihan kesiagaan ini adalah merupakan pendekatan efektif bagi mengekalkan tahap profesionalisme warga agar sentiasa berada pada tahap yang tertinggi dalam mendepani sebarang situasi konflik atau peperangan sebenar. Latihan berkala secara berterusan akan terus dilaksanakan bagi memastikan armada TLDM sentiasa berada ditahap kesiagaan yang tertinggi serta mampu menangani sebarang ancaman yang mendatang pada sebarang masa.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

PERASMIAN STESEN UDARA KOTA KINABALU DAN SKUADRON 503 HELIKOPTER AW139



KOTA KINABALU, 1 Jul - Upacara Perasmian Stesen Udara Kota Kinabalu (SUKK) dan SKUADRON 503 (SKN 503) telah disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK), Sabah, hari ini.

Beliau turut menyaksikan upacara pemakaian insignia Pegawai Memerintah yang telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany kepada Kepten Mohamad Zamri Ismail TLDM, Komander Udara SUKK dan Komander Hairul Afikin Tukimin TLDM, Pegawai Memerintah pertama bagi SKN 503.

SUKK merupakan unit pentadbiran, pengurusan logistik dan penguasa operasi penerbangan di Armada Timur. Stesen ini menguruskan aerodrome di PTKK dan memainkan peranan utama dalam pengoperasian pesawat helikopter TLDM serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM) agar kekal efisien dan selamat.

Dua skuadron di bawah perintah operasinya ialah SKN 503 iaitu Helikopter Operasi Maritim (HOM) dan SKN 601 iaitu Unmanned Aerial System (UAS). SKN 503 berperanan sebagai unit barisan hadapan yang mengoperasikan HOM AW13. Dua helikopter pertama telah diterima sekitar April 2022 dan yang ketiga dijangka akan tiba menjelang September 2022.

HOM yang bernaung di bawah Markas Pemerintahan Armada Timur akan memperkukuhkan lagi kekuatan inventori TLDM di Armada Timur serta bakal memperkasa pengawasan udara di perairan maritim Sabah dan Sarawak.

Selain pengoperasian maritim, HOM mampu melaksanakan penguatkuasaan udara Zon Eksklusif Ekonomi (ZEE) Malaysia Timur selain menjalankan tugas Maritime Domain Awareness, Pengesanan Sasaran, Operasi Pasukan Khas serta bantuan dalam operasi Mencari dan Menyelamat.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

PERBARISAN DAN TAKLIMAT PENUTUP AUDIT KESIAPSIAGAAN MARKAS PEMERINTAHAN PASUKAN SIMPANAN



Timbalan Panglima Tentera Laut bersama warga Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan

SUNGAI LUNCHOO, 25 Feb - Bahagian Inspektorat Jeneral Markas Tentera Laut telah melaksanakan Audit Kesiapsiagaan (AK) ke atas Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan (MPPS) mulai 22 - 25 Feb 22.

Penutup Tirai AK MPPS telah dimulakan dengan Istiadat Perbarisan yang telah disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksdya Dato' Abdul Rahman bin Hj Ayob. Ketibaan beliau telah disambut oleh Inspektor Jeneral, Laksda Chan Peng Cheong dan Panglima Pasukan Simpanan, Laksma Azeman bin Yusoff. Istiadat perbarisan ini melibatkan seramai 20 Pegawai dan 40 Anggota Lain-lain Pangkat yang diketuai oleh Pegawai Perbarisan, Kdr Kamarol Azra bin Hamzah TLDM dan dibantu oleh Pegawai Waren Perbarisan, PW II PNK Mohamaad Suhaidi bin Mohamed Nor.

Selesai perbarisan, Timbalan Inspektor Jeneral, Laksma Mohd Fadzli Kamal bin Mohd Mohaldin telah menyampaikan Taklimat Penutup. AK yg dilaksanakan bertujuan menilai dan mengukur tahap pematuhan peraturan serta prestasi pencapaian.

Cadangan pembedaan dan penambahbaikan turut dikemukakan agar proses kesiapsiagaan menjadi kukuh dan lengkap serta berkesan.

Sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh warga MPPS atas kejayaan memperolehi penarafan 4 Bintang bagi AK kali ini. Semoga kejayaan ini memberi suntikan semangat kepada warga MPPS untuk terus komited dalam menjalankan amanah.

Artikel : Lt Kanthan a/l Jeyaprakash TLDM

Foto : LK PRL Mohd Faisa bin Mamat

PERBARISAN PEGAWAI KANAN SKUADRON KORVET KE-24**Amanat oleh Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL merangkap Pegawai Kanan Skuadron Korvet Ke-24**

Lumut, 24 Jan – Perbarisan Pegawai Kanan Skuadron (PKS) Korvet Ke-24 telah dilaksanakan di Padang Kawad Pangkalan Lumut. Perbarisan ini diadakan bersempena dengan Majlis Perpisahan PKS, Kdr Segar a/l Muniandy TLDM yang juga Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL. Beliau bakal menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Staf Operasi Markas Pemerintahan Armada Barat. Kdr Muhammad Shahir bin Salleh TLDM, Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA HANG NADIM akan mengambil alih sebagai PKS selepas ini.

Perbarisan yang terdiri daripada 4 platon telah diketuai oleh Lt Kdr Mohd Khairul Faisal bin Dato' Mohamad Khir TLDM, Pegawai Laksana KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL dan dihadiri oleh semua pegawai dan anggota Skuadron Korvet Ke-24.

Dalam perbarisan yang sama, PKS telah menyampaikan anugerah Bintang dan Laskar Terbaik Skuadron Korvet Ke-24 bagi Suku Tahun Keempat Tahun 2021. Bintang dan Laskar yang mendapat anugerah tersebut dipilih khas oleh lembaga pemilihan setiap kapal berdasarkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang.

Dalam ucapan PKS, beliau turut menyampaikan amanat yang menekankan nilai teras TLDM dan tahap disiplin sebagai anggota TLDM selain menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga Skuadron Korvet Ke-24. Beliau berharap kecemerlangan Skuadron Korvet Ke-24 akan diteruskan lagi pada masa akan datang. Acara diakhiri dengan sesi bergambar bagi kesemua warga Skuadron Korvet Ke-24 yang terlibat dalam menjayakan perbarisan yang amat bermakna ini.

Artikel : Pegawai Perhubungan Raya KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL

Foto : Bahagian Komunikasi Strategik Markas Pemerintahan Armada Barat

PERBARISAN PEGAWAI MEMERINTAH KD SRI KLANG SIRI 1-22

PULAU INDAH, 23 Jan – Perbarisan Pegawai Memerintah KD SRI KLANG telah diadakan hari ini dengan 5 platun yang terdiri dari 30 pegawai, 72 pegawai kadet kanan dan 24 anggota lain-lain pangkat.

Perbarisan secara statik itu diketuai oleh Lt Kdr Prof Madya Ts. Dr. Sivadass a/ Thiruchelvam PSSTLDM bersama BK PAP (GI) Subkey bin Ibrahim sebagai Bintara Perbarisan. Perbarisan ini juga melibatkan unit naungan KD SRI KLANG iaitu PALAPES (Laut) UiTM, PALAPES (Laut) UM dan PALAPES (Laut) UPM.

Ketibaan Pegawai Memerintah Kept Prof. Tpr. Dr. Jamalunlaili bin Abdullah PSSTLDM disambut dengan tabik hormat serta nyanyian lagu Negaraku dan Samudera Raya diikuti pemeriksaan perbarisan. Perbarisan berkonsep statik tempur ini dilaksanakan untuk mempamerkan kesiagaan warga KD SRI KLANG. Selesai perbarisan, acara angkat sumpah Pegawai Kadet dan Perajurit Muda PSSTLDM pengambilan 44 telah dilaksanakan di bilik kuliah KD SRI KLANG.

Selain itu, majlis penyampaian sijil kepada Bintara dan Laskar terbaik 2021, penghargaan kepada sukarelawan yang terlibat dengan bantuan banjir, penghargaan kepada Floor Manager yang terlibat di Pusat Pemberian Vaksin sekitar Lembah Klang sepanjang 2021 dan penyampaian watakah pelantikan jawatan PSSTLDM 2022 turut dilaksanakan.

Acara diakhiri dengan jamuan di Wisma Laskar KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH. Ramai yang mengambil peluang untuk beramah mesra setelah sekian lama tidak bertemu akibat penularan wabak COVID-19 dan menyebabkan latihan dilaksanakan secara maya.

Artikel : Cawangan Latih KD SRI KLANG

Foto : Lt Dya Farid bin Human PSSTLDM

PERBARISAN ULUNG PEGAWAI WAKIL TENTERA LAUT KUCHING & PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN WARGA NAVY PEOPLE KUCHING



Warga Navy People PWTL Kuching

KUCHING, 12 Feb - Perbarisan Pegawai Memerintah PWTL Kuching melibatkan 13 orang Pegawai dan 45 orang Anggota PSSTLDM diketuai oleh Lt Mohd Hazry Bin Ismail PSSTLDM telah dilaksanakan di perkarangan Pejabat Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching dengan jayanya.

Perbarisan Pegawai Memerintah diadakan antara lain, bertujuan untuk menyatukan keseluruhan warga *Navy People* Kuching setiap lapisan pangkat di samping memastikan kesiagaan pasukan berada di tahap yang optima.

Usai perbarisan, Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan mengambil tempat dan disampaikan mengikut kategori. Penganugerahan sijil mengambilkira dari aspek kehadiran aktiviti yang diadakan di Unit dan menunjukkan prestasi disiplin terbaik sepanjang tahun 2021.

Berikut adalah senarai penerima Sijil Penghargaan mengikut kategori;

1. Lt M Syful Mirza Bin Alluwie PSSTLDM - Kategori Pegawai
2. BM TNL Rome Bin Paimin - Kategori Bintara
3. LK PAP Abdullah Bin Rahmat - Kategori Laskar Kanan

Selain itu, PWTL Kuching juga telah menyampaikan Sijil Penghargaan Kepimpinan kepada Pegawai Laksana PSTL Kuching, Lt Kdr Kenny Wong Toh Wee PSSTLDM atas sumbangan dan kebaktian yang telah diberikan kepada Unit.

Menerusi ucapan yang disampaikan, PWTL Kuching mengucapkan jutaan penghargaan kepada setiap warga yang telah menjayakan Perbarisan Pegawai Memerintah dan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan. Kejayaan dalam mengendalikan acara sekaligus menunjukkan kerjasama padu dari setiap warga *Navy People* Kuching dan berharap kerjasama seumpama diteruskan.

PWTL Kuching juga mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Sijil Penghargaan dan berharap dapat dijadikan sebagai contoh serta penggalak kepada warga *Navy People* Kuching, terutama Pegawai Kadet dan Perajurit Muda PSSTLDM Siri 1/21 yang telah berjaya menyertai keluarga besar PSSTLDM.

Majlis dilaksanakan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard seperti yang digariskan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak dalam mengekang wabak COVID19.

Sumber : PR PWTL Kuching

Artikel : Lt M Syful Mirza bin Alluwie PSSTLDM

Foto : LK PNK Ajariah binti Umar

LK TLS Muhammad Nurzharif bin Mat Saad

PERKUKUH HUBUNGAN 2 NEGARA**Admiral Somprasong Nilsamai menerima Tabik Hormat**

KUALA LUMPUR, 9 Jun - Panglima Tentera Laut Diraja Thailand, Admiral Somprasong Nilsamai melaksanakan lawatan kerja 2 hari ke Malaysia dengan mengadakan pertemuan ke atas Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany.

Ketibaan Admiral Somprasong Nilsamai di Wisma Pertahanan telah disambut oleh Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany dan pengurusan tertinggi TLDM. Lawatan dimulakan dengan pemeriksaan Kawalan Kehormatan Utama. Seterusnya beliau melaksanakan kunjungan hormat ke atas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM disusuli pertemuan bersama Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz.

Panglima Tentera Laut Diraja Thailand mengakhiri lawatan dengan melaksanakan kunjungan ke atas rakan sejawatnya, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany. Kedua-dua pemimpin itu berkesempatan berbincang bagi memperkukuhkan lagi hubungan yang sudah terjalin sekian lama antara TLDT dan TLDM.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

PKK JANUSHA CIPTA SEJARAH DI USNA

ANNAPOLIS, 9 Jun - Sejarah tercipta apabila Pegawai Kadet Kanan (PKK) Janusha a/p Bala Krishnan Muthiah dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menjadi pegawai wanita pertama dari Angkatan Tentera Malaysia yang berjaya menamatkan Pengajian dan Latihan Ketenteraan di United States Naval Academy (USNA).

Majlis Tamat Pengajian yang penuh gemilang telah disempurnakan sendiri oleh Presiden Amerika Syarikat dan dihadiri oleh barisan kepimpinan tertinggi Tentera Laut Amerika bersama Duta serta Penasihat-penasihat Pertahanan dari pelbagai negara.

PKK Janusha dari Class of 2022 telah mula menjalani pengajian dan latihan ketenteraan di USNA pada tahun 2018. Turut bersama beliau menjalani latihan selama empat tahun ini adalah 1085 pelatih dari Amerika Syarikat dan 14 pelatih dari luar negara. Kejayaan PKK Janusha menamatkan pengajian dan latihan ketenteraan di salah sebuah pusat latihan tentera terbaik di dunia ini membuktikan kewibawaan dan kemampuan wanita muda Malaysia untuk bersama bersaing di dalam bidang yang lebih dipelopori oleh kaum lelaki.

Tentera Laut Diraja Malaysia akan terus memberi sokongan di dalam kesaksamaan jantina dan bangsa untuk peluang-peluang seperti ini. Semoga kejayaan PKK Janusha akan menarik lebih ramai anak muda terutama dari golongan wanita untuk menjadikan kerjaya ATM amnya dan TLDM khususnya sebagai satu cabang kerjaya yang boleh dijadikan pilihan di masa hadapan.

Sumber : Bahagian Sumber Manusia-Pembangunan, Markas Tentera Laut

RAWATAN EHSAN - PELANCONG KANADA KEMBALI SIHAT***Pantau. Pesakit sedang menjalani rawatan di dalam Kebuk Mampatan Hiperbarik***

SEMPORNA, 20 Jun - Pada 14 Jun 22, seorang pelancong wanita berasal dari Kanada berumur 36 tahun telah mengalami sakit kepala dan badan serta kebas kedua-dua anggota bawah badan selepas melakukan aktiviti penyelaman sebanyak 3 kali di Pulau Mabul.

Pesakit tersebut telah disahkan mengalami Decompression Sickness Type II dan telah menerima rawatan dengan menggunakan Kebuk Mampatan Hiperbarik di KD SRI SEMPORNA.

Selepas 4 jam 45 minit rawatan, pesakit disahkan telah pulih sepenuhnya dan dinasihatkan supaya tidak menaiki pesawat dalam masa 72 jam. Pesakit turut dinasihatkan untuk tidak melakukan aktiviti penyelaman untuk masa terdekat.

Sumber : KD SRI SEMPORNA

REFIT KD YU CIPTA SEJARAH, DISUSULI REFIT KD PARI - TEMPOH PALING SINGKAT



SANDAKAN, 15 Ogos – Upacara penerimaan KD YU pada hari ini setelah selesai menjalani *refit* adalah amat bermakna, melakar sejarah sebagai projek paling singkat pernah dicapai sejak tahun 1985 iaitu kurang dari 7.5 bulan. Tempoh ini termasuk dikenakan “*stop-work order*” hampir sebulan akibat Covid-19. Penerimaan telah disempurnakan oleh Panglima Logistik Timur, Laksamana Pertama Hj Satria Sarawak di Weldan Marine Shipyard Sdn Bhd.

Success story refit KD YU ini adalah keberhasilan pelaksanaan “kaedah baharu projek” yang dikenali sebagai S.M.A.R.T *Refit* yang melibatkan 3 kapal iaitu KD YU, KD PARI dan KD PAUS. Lebih membanggakan, kejayaan ini bakal disusuli dengan *refit* KD PARI di Preston Shipyard Sdn Bhd di mana dirancang diterima pada 19 Ogos 22 (Jumaat) dengan tempoh *refit* kurang dari 6.5 bulan (termasuk sebulan “*stop-work*”). Bagi refit KD PAUS di Labuan Shipyard Sdn Bhd, kapal juga akan diterima pada 19 Ogos 22 dengan tempoh *refit* kurang dari 7.5 bulan.

S.M.A.R.T *Refit* ini yang dibangunkan sepenuhnya oleh warga *Navy People* merupakan *turning-point* pengimplementasian projek selenggaraan berjadual kapal TLDM di limbungan. Justeru, ianya telah mendapat perhatian serius beberapa Agensi Kerajaan dan syarikat perkapalan. Maklumat berkaitan S.M.A.R.T *Refit* boleh dicapai di pautan berikut:

<https://www.facebook.com/RoyalMalaysianNavy/photos/a.366507216740626/4393267100731264/> dan <https://www.facebook.com/RoyalMalaysianNavy/photos/a.366507216740626/4482472095144097/>

Sepanjang projek *refit*, peralatan dan sistem ketiga-tiga telah dirombakpulih, selain diubah sepenuhnya. Skop projek melibatkan *repowering* terhadap sistem kuasa gerak dan sistem penjanaan kuasa elektrik, *extensive plate renewal* serta aktiviti baik-pulih mengembalikan kondisi peralatan di kapal ke *zero-hours*. Impaknya hasil projek refit ini telah memberi nafas baharu kepada KD YU, KD PARI dan KD PAUS yang telah berusia melebihi 40 tahun.

Warga *Navy People* wajar berbangga dengan kejayaan bersejarah ini disebabkan ianya adalah *a giant step* terhadap pelaksanaan *refit* kapal TLDM di limbungan tempatan. Dalam masa terdekat, tempoh *refit* tersebut akan disingkatkan lagi ke 4 bulan dengan pendekatan S.M.A.R.T *Refit PLUS*. Selain itu landscape pelaksanaan refit akan digubah ke “Dimensi Baharu” yang merupakan *game-changer* bakal dinanti-nanti oleh warga *Navy People*. *Game-changer* ini bertujuan memastikan projek refit akan datang adalah lebih singkat, hasil kerja lebih berkualiti, *best value for money* dan berdaya saing.

Justeru, warga *Navy People* disaran agar terus berinovasi dengan inisiatif baharu berimpak tinggi yang luar daripada kotak (*out of the box*) bagi memastikan TLDM unggul, cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Mohamad Idzhar bin Anuar TLDM

RIMPAC'22 7000 NAUTICAL MILES AWAY FROM HOME AND... BULLSEYE!



KD LEKIR is the second RMN ship to participate in RIMPAC. RIMPAC is Rim of the Pacific, the name of the world's largest international maritime exercise held in Hawaii, United States of America.

For 2022, 38 ships and four submarines from 26 navies took part in this exercise. Unlike Malaysia's debut in 2018, this year KD LEKIR launched an Exocet MM40 Block 2 Missile at a target as part of the exercise activity.

The target was Ex-USS RODNEY M. Davis (Oliver Hazard Perry Class Guided Missile Frigate). For the first time in history, the RMN conducted its missile firing outside of Malaysian waters, off the coast of Hawaii. KD LEKIR launched her missile on Tuesday afternoon and impacted the target minutes later.

RIMPAC provided an excellent platform for enhancing interoperability amongst the participating navies which included KD LEKIR. For the crew of KD LEKIR, I am absolutely sure that RIMPAC was a professionally enriching experience. Besides RIMPAC exercise activities, the few days that KD LEKIR had in port provided the opportunity for the crew to experience the Hawaiian culture which is equally important.

Bravo Zulu, KD LEKIR!!
Admiral Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany
Chief of Navy
Royal Malaysian Navy

SANTAPAN KALA TEMPUR



Edaran Action Messing kepada anak-anak kapal yang bertugas “Edaran Action Messing akan dilaksanakan dalam masa 10 minit”. Pengumuman ini merupakan pemakluman yang sering diberitahu kepada anak-anak kapal semasa sedang merapat ke Stesen Bertindak. Action Messing merupakan proses sajian anak-anak kapal semasa Stesen Bertindak. Action Messing terbahagi kepada 2 kategori iaitu Jenis A & B. Jenis A adalah penyediaan makanan di dewan makan kapal yang dinikmati secara bergilir oleh sejumlah anggota yang dibenarkan pada satu-satu masa dengan penekanan kepatuhan kepada had masa yang ditetapkan untuk makan. Action Messing jenis B pula adalah pembekalan pek makanan yang diedarkan ke semua stesen di kapal.

Selain daripada penyediaan makanan secara hidang dan pek mudah alih, kelancaran penghantaran Action Messing akan dikelolakan oleh Chief of Galley dibawah seliaan Pegawai Bekalan atau Pegawai Laksana. Secara umumnya, pelaksanaan Action Messing bertujuan memastikan anak-anak kapal sentiasa dibekalkan dengan gizi yang mencukupi termasuk semasa situasi krisis berlaku. Ianya juga bertujuan memastikan anak-anak kapal kekal siaga dan bertenaga untuk terus cekal mempertahankan kedaulatan negara.

Sumber : Unit Perhubungan Raya KD GANAS

Artikel : Lt Muhammad Haziq bin Sharifuddin TLDM

Foto : LK I BDI Luqmanul Hakim bin Zulkifli

SEKALUNG TAHNIAH - KEJAYAAN WARGA NAVY PEOPLE MENDAPAT PENGIKTIRAFAN INOVASI REKABENTUK DAN PATEN



KUALA LUMPUR, 6 Ogos - Sekalung tahniah kepada lima warga Navy People yang telah berjaya mendapat pingat emas serta perak di Defence, Security and Sustainability Exhibition 2022 yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia baru-baru ini.

Mendahului senarai ialah Ketua Jurutera TLDM, Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung yang merangkul satu pingat emas dan satu perak di atas 2 inovasi rekabentuk yang dihasilkan, di mana kedua-dua inovasi adalah dalam proses untuk dipatenkan. Lebih membanggakan satu daripada inovasi tersebut telah diimplementasi, atau “dikomersialkan”. Kejayaan ini disusuli dengan pencapaian Kdr Dr. Hani Kalsum bt Hashim TLDM yang berjaya memperoleh pingat emas, begitu juga dengan Lt Kdr Adzim bin Abd Razak TLDM, Lt Noh bin Zainal TLDM dan Lt Ir. Amirul Faiz bin Kamaruddin TLDM di mana setiap pegawai berjaya mendapat pingat emas dalam kategori inovasi masing-masing.

Pencapaian membanggakan ini wajar dijadikan contoh serta inspirasi kepada warga Navy People, agar TLDM menjadi organisasi yang cemerlang dan gemilang.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artikel : Kepten Ts. Abdul Razak bin Ahmad TLDM

Foto : Bahagian Sumber Manusia, Mk TL

SEMINAR INOVASI PERKHIDMATAN AWAM (SIPA) 2022

KUALA LUMPUR, 1 Nov – Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Dato’ Sri Mohd Shafiq bin Abdullah hari ini telah merasmikan SIPA 2022 yang berlangsung 2 hari di INTAN Bukit Kiara. SIPA 2022 ini melibatkan lebih dari 300 penjawat awam seluruh Malaysia dari pelbagai Kementerian dan Jabatan. Buat julung kalinya sejak pelan inovasi perkhidmatan awam dilancarkan oleh JPA pada tahun 2010, Ketua Jurutera TLDM telah diberi penghormatan sebagai Penceramah Jemputan di SIPA 2022, iaitu warga *Navy People* pertama menyampaikan syarahan di INTAN.

Sepanjang sesi tersebut, para hadirin telah didedahkan dengan perkongsian ilmu berkaitan inovasi, termasuk *Success Story* dan inisiatif-inisiatif di dalam TLDM. Majoriti peserta yang hadir amat teruja dengan perkongsian ilmu yang disampaikan. Ini disebabkan sebahagian subjek tersebut adalah perkara baru dan jarang diketahui, di mana lebih kepada pendekatan *leaderships, hands-on and break-through*.

Sesi perkongsian ilmu dengan agensi awam sedemikian wajar diperluaskan oleh warga *Navy People* dalam tempoh terdekat, agar sebarang *know-how* yang bermanfaat kepada organisasi dikongsi untuk membina negara, selain boleh menaikkan imej TLDM.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Dya Muhammad Fadzil bin Mashor TLDM

SUATU HARI DI HARI RAYA BAGI WARGA ATM



SUATU HARI DI HARI RAYA BAGI WARGA ATM

Bagi kebanyakan rakyat Malaysia, hari raya adalah masa untuk bersama yang tersayang. Ada yang akan membuat perjalanan jauh untuk meluangkan masa dengan keluarga dan saudara-mara. Harapan untuk dapat berjumpa dengan mereka seakan memberi semangat untuk menempuh perjalanan yang memakan masa yang panjang dan kadang-kadang penuh dengan cabaran.

Namun, bagi sekumpulan kecil yang istimewa, Hari Raya adalah hari bekerja yang sibuk dan jauh daripada keluarga yang dicintai. Saya sekali lagi merasa bertuah kerana dapat bersama mereka yang istimewa ini untuk sedikit waktu.

Pada 22 Mei tahun lepas saya ada menulis mengenai mereka yang berada beratus batu jauhnya dari tanah besar, yang bertugas menjaga kedaulatan maritim negara. Tahun ini, saya berpeluang pula untuk berjumpa satu lagi kumpulan yang bertugas di lokasi yang berbeza. Pangkalan Operasi Hadapan (Forward Operation Base - FOB) di perairan Sabah Timur ini dianggotai mereka daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Merekalah yang dikerah apabila keadaan memerlukan.

Seperti rakan-rakan seperjuangan di tempat lain, Hari Raya adalah hari bekerja sebagaimana biasa. Mereka kekal siapsiaga untuk sebarang kemungkinan.

Bagi mereka ini, tidak ada masa untuk membeli baju raya, membantu isteri menyiapkan rumah dan tiada juga masa untuk bersalaman bersama keluarga tersayang di pagi Aidilfitri.

Adalah ironik apabila dilihat sangat sedikit kesedaran atau perhatian masyarakat terhadap mereka ini, yang menjaga kepentingan negara sebilang masa.

Oleh: Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany

THE PICK OF THE LITTER - LEFTENAN MADYA PUTERI SYAZWANI BINTI MEGAT AHMADSHARIMAN TLDM



Leftenan Madya Puteri Syazwani binti Megat Ahmad Shariman TLDM, seorang Pegawai Muda TLDM telah mencipta sejarah sebagai Pegawai Wanita TLDM yang pertama memiliki 2 kelayakan iaitu sebagai Ammunition Technician (AT) dan Explosive Ordnance Disposal (EOD). Ini membolehkan pegawai melakukan pemeriksaan fizikal, ujibukti kefungsi serta pemusnahan terhadap peluru dan bahan letupan yang sudah mencapai tamat jangka hayat.

Leftenan Madya Puteri Syazwani TLDM berkeelayakan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Kini beliau bertugas di Depot Peluru dan Bahan Letupan mengikut kepakaran yang beliau miliki.

Selain sibuk dengan tugas dan profesion, pegawai juga bergiat dalam bidang sukan, khususnya sukan lasak. Beliau aktif menyertai pertandingan duathlon (larian 5km, berbasikal 40 km dan larian 10 km) serta triathlon (berenang 1.5 km, berbasikal 40 km dan larian 10 km) di mana sukan ini semakin popular di negara ini. Lebih

membanggakan beliau pernah menyertai acara renang merentas Selat Dinding sejauh 10 km pada tahun 2019.

Pencapaian cemerlang Leftenan Madya Puteri Syazwani binti Megat Ahmad Shariman TLDM wajar dijadikan contoh serta inspirasi kepada warga Navy People agar TLDM cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artikel : Laksda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Mk TL – Sumber Manusia, Mk TL

Lt Dya Muhammad Fadzil bin Mashor TLDM

TLDM BEKERJASAMA ERAT DENGAN JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH SARAWAK



MIRI, 25 Jan – TLDM amat menghargai jemputan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak bagi sesi perkongsian ilmu melibatkan metodologi selenggaraan bot dan kapal yang dipraktikkan oleh TLDM. Sesi ini dilaksanakan semasa Kursus Tatacara Pengurusan Perolehan Perkhidmatan Selenggaraan Bot & Kapal anjuran Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak selama 3 hari bermula 24 sehingga 26 Januari 2022 di Pejabat Laut Miri, Sarawak. Perkongsian ilmu ini bukan bermaksud “teach grandmother to suck eggs”, tetapi lebih kepada amalan dan pendekatan terkini yang digunakan oleh TLDM melalui beberapa inisiatif luar jangka serta luar kotak yang telah menghasilkan impak tinggi kesiagaan operasi Aset TLDM.

Sesi perkongsian ilmu ini melibatkan 39 orang Pegawai dan kakitangan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak, diketuai oleh En. Mohamad Marzuki bin Brahim, Pengarah Laut Wilayah Sarawak. Selain itu, Jabatan Laut Johor dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Sarawak serta Zon Miri juga turut hadir dalam perkongsian ilmu ini. Penceramah-penceramah dari TLDM adalah Ketua Jurutera TLDM, Laksamana Muda Datuk Ir. Ts Mohd Shaiful Adli Chung dan Kepten Ts. Nazree bin Mohd Nor TLDM. Selain itu, wakil dari Kementerian Kewangan (MoF) iaitu Kepten Ir. Malik Sulaiman TLDM turut dijemput untuk berkongsi mengenai Prinsip, Dasar & Kaedah Perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa, khususnya melibatkan bot dan kapal.

Selain sesi perkongsian ilmu, dikesempatan tersebut dilaksanakan perbincangan awal pendekatan terbaik bagi pengiktirafan Standards of Training Certification and Watchkeeping untuk para Teknisyen TLDM seperti yang ditetapkan oleh IMO bagi merchant fleet.

Warga Navy People wajar berbangga dengan jalinan erat dan kerjasama awal yang diusahakan untuk warga Navy People. Inisiatif ini adalah roadmap menjadikan warga NavyPeople lebih berdaya saing kelak.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office
Oleh : Laksamana Muda Datuk Ir.Ts.Mohd Shaiful Adli Chung
Foto : Jabatan Laut Sarawak

TLDM TERUSKAN HUBUNGAN BERSAMA MIMOS



Laksamana Tan Sri Mohd Reza dan Dr Iskandar Samad menyempurnakan Pertukaran Memorandum Persefahaman di antara TLDM dan MIMOS Berhad

BUKIT JALIL, 8 Feb - Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany telah menyempurnakan Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman di antara MIMOS Berhad dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Kehadiran Panglima Tentera Laut telah disambut oleh Dr Iskandar Samad, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad.

Memorandum Persefahaman di antara MIMOS dan TLDM ini telah dimeterai pada 30 Oktober 2021 untuk tempoh selama 5 tahun, iaitu sehingga 29 Oktober 2026. Memorandum ini bertujuan untuk melaksanakan kerjasama penambahbaikan dan peningkatan dalam bidang ICT bagi TLDM.

Beberapa kerjasama dan aktiviti telah dilaksanakan seperti khidmat nasihat teknikal untuk pembangunan Sistem Pengurusan Pemantauan Bersepadu TLDM, atau RMN-ILIS, latihan dan penggunaan teknologi MIMOS untuk pemantauan Sistem TLDMnet, serta pelaksanaan projek pembuktian konsep (POC) bagi teknologi ICT yang dibangunkan berdasarkan keperluan TLDM.

Selain daripada itu, kesinambungan daripada kejayaan projek POC RMN-ILIS, MIMOS juga meneruskan khidmat nasihat teknikal bagi membantu TLDM membuat persediaan pelaksanaan projek Sistem Maklumat Kesediaan Bersepadu TLDM, atau RMN-IRIS, yang akan datang.

Selesai upacara pertukaran memorandum, Laksamana Tan Sri Mohd Reza dan delegasi dibawa melawat fasiliti MIMOS Berhad iaitu ke *Big Data IoT Technology Accelerator Lab* (BITX) dan juga MIMOS *Semiconductor Technology Centre*.

Panglima Tentera Laut juga sempat menyaksikan beberapa demonstrasi yang ditunjukkan dan mendengar taklimat berkaitan teknologi-teknologi yang sedang dibangunkan oleh pihak MIMOS.

Turut hadir sebagai delegasi TLDM adalah Asisten Ketua Staf (AKS) Materiel Laksamana Muda Dato' Pahlawan Affenddy bin Suhaimi, Inspektor Jeneral TLDM Laksamana Muda Chan Peng Cheong, AKS Operasi dan Strategi Laksamana Muda Khir Junaidi bin Idris, AKS Komunikasi Peperangan dan Sistem Informasi (KPSI) Laksamana Pertama Azman bin Rabani, Pengarah Kanan Perancangan dan Pembangunan Laksamana Pertama Yusne bin Mokhtar serta Pegawai Kanan dan anggota dari Bahagian KPSI.

Diharapkan hubungan di antara pihak TLDM dan MIMOS Berhad akan diteruskan lagi di masa akan datang.

Artikel & Foto : LK PRL Mohd Faisa bin Mamat

WARGA KD SRI SEMPORNA MERIAHKAN PROGRAM QURAN HOUR



KD SRI SEMPORNA, 30 Ogos - Seramai 130 orang telah menyertai Program *Quran Hour* 1444H yang terdiri daripada pegawai dan anggota KD SRI SEMPORNA. Program ini telah diadakan pada 30 Ogos 2022 bersamaan 2 Safar 1444H bertempat di Masjid Pulau Mabul, seramai 20 orang warga Pulau Mabul telah turut serta dalam memeriahkan program ini.

Program *Quran Hour* 1444H telah diadakan secara serentak diseluruh negara selama 1 jam bermula dari jam 12 hingga 1 tengah hari. Program ini juga turut dihadiri oleh Pegawai Memerintah KD SRI SEMPORNA, Kepten Khairul Ayzan bin Taib TLDM dan Pegawai Laksana, Kdr Azni bin Hj Abu Hassan TLDM.


Diharapkan usaha penganjuran majlis ini akan menyuburkan lagi minat membaca Al-Quran yang mendalam di kalangan warga KD SRI SEMPORNA kerana penghayatan kepada isi kandungan dan ayat suci Al-Quran akan memberi inspirasi dan galakan untuk lebih berusaha mendekati diri kepada Allah SWT.

KDSM SENTIASA TERBAIK

WARGA NAVY PEOPLE PERTAMA TERBITKAN MEMOIR –
KOMANDER JAMES WONG AH SOH TLDM (BERSARA)

THE NAVY AND I

MEMOIRS OF A SEAFARER



COMMANDER JAMES A.S. WONG, RMN (RET.)

Komander James Wong Ah Soh TLDM (Bersara) ialah seorang Veteran TLDM, merupakan warga Navy People pertama menghasilkan memoir. Memoir tersebut berjudul *The Navy and I* diterbitkan pada tahun 2014. Memoir ini mengisahkan perjalanan kehidupan dan perkhidmatan beliau di dalam TLDM untuk dikongsi serta dijadikan pengajaran. Bagi mereka yang hendak mengetahui lebih lanjut berkaitan memoir tersebut, ianya boleh dibeli di pasaran termasuk di amazon.com serta online dengan ID ISBN 978-967-12856-0-2 atau ISBN 967-128-5600.

Amalan serta budaya mengarang dan menghasilkan buku seperti memoir, novel, kitab atau seumpamanya perlu ditanam di kalangan warga Navy People, selain hobi membaca. Ini bagi memastikan budaya menimba serta berkongsi ilmu dijadikan salah satu gaya kehidupan. Diharap inisiatif sedemikian diteruskan oleh warga Navy People tanpa mengenal jemu, agar ianya menjadi coretan yang berguna.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office
Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung
Foto : LK PWP Hasnan bin Amat Senin